Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Ketiga 2005

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan bertambah kukuh, didorong oleh aktiviti sektor swasta yang mapan…

Ekonomi Malaysia bertambah kukuh dengan peningkatan sebanyak 5.3% pada suku ketiga 2005. Aktiviti sektor swasta terus menjadi pendorong pertumbuhan yang utama.

Permintaan dalam negeri bertambah kukuh, berkembang pada kadar tahunan 9.4% disebabkan terutamanya oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta yang lebih kukuh. Perbelanjaan penggunaan swasta kekal sebagai sumber pertumbuhan yang penting, dengan peningkatan sebanyak 10.4%. Keadaan pasaran pekerja yang stabil, persekitaran kredit yang kompetitif dan harga komoditi yang tinggi terus menyokong perbelanjaan pengguna. Penunjuk penggunaan utama, terutama perbelanjaan kad kredit dan kredit penggunaan yang diberikan oleh bank, menunjukkan perbelanjaan pengguna yang mapan. Bilangan jualan kereta penumpang baru juga kekal tinggi.

Pembentukan modal tetap kasar juga bertambah mantap dengan peningkatan sebanyak 9.6%. Pelaburan sektor swasta kekal kukuh disebabkan peningkatan kapasiti, penaikan taraf, serta pelaburan baru

Pertumbuhan KDNK benar lebih kukuh pada S3 2005



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dalam aktiviti hiliran yang meliputi kebanyakan sektor ekonomi. Pertumbuhan perbelanjaan modal swasta adalah nyata dengan pertumbuhan import barangan modal yang kukuh dan peningkatan pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan adalah lebih rendah dan terus tertumpu pada persediaan perkhidmatan yang perlu, manakala perbelanjaan penggunaan Kerajaan meningkat.

Sungguhpun perbelanjaan berkaitan petroleum lebih tinggi, kutipan cukai pendapatan oleh Kerajaan Persekutuan yang meningkat telah menyumbang kepada defisit yang lebih rendah sebanyak RM805 juta atau 0.6% daripada KDNK pada suku ketiga 2005.

Dari segi bekalan, pertumbuhan terus diterajui oleh sektor perkhidmatan, yang berkembang sebanyak 7.3% pada suku ketiga. Sektor itu terus memperoleh manfaat daripada perbelanjaan pengguna yang kukuh, termasuk perbelanjaan oleh pelancong serta aktiviti perniagaan yang bertambah baik. Nilai ditambah sektor perkilangan meningkat 3.4% pada suku ketiga 2005. Keluaran produk industri elektronik dan barangan elektrik (E&E) meningkat kepada 3.2% (S2 2005: 0.9%), disebabkan terutamanya oleh permintaan dari luar negeri terhadap komputer dan barangan berkaitan komputer yang kukuh, serta peningkatan permintaan global terhadap separa konduktor. Antara industri yang berorientasikan dalam negeri, subsektor kelengkapan pengangkutan dan keluaran makanan mencatat kadar pertumbuhan dua angka, selaras dengan perbelanjaan penggunaan swasta yang kukuh. Sementara itu, industri yang berkaitan dengan pembinaan terus menguncup selari dengan prestasi sektor pembinaan yang lemah.

Sektor komoditi utama juga menyumbang secara positif kepada pertumbuhan. Nilai ditambah sektor pertanian meningkat 0.9% pada suku ketiga. Sektor perlombongan mencatat pertumbuhan sebanyak 3.4%, disokong terutamanya oleh keluaran gas asli yang terus meningkat. Pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) mencatat kemerosotan yang lebih kecil sebanyak 2.4%. Pada suku ketiga, sebanyak 745,180 tong sehari dikeluarkan berbanding dengan 670,520 tong sehari pada suku sebelumnya apabila beberapa medan dan loji minyak ditutup untuk tujuan penyelenggaraan. Sementara itu, pertumbuhan sektor pembinaan mencatat penurunan yang lebih kecil sebanyak 1.4%.

Inflasi meningkat kepada 3.4% pada suku ketiga 2005, mencerminkan kenaikan dalam harga pengangkutan dan perhubungan akibat semakan menaik bagi harga runcit petrol, diesel dan gas memasak berkuat kuasa dari 1 Ogos 2005. Sementara itu, keadaan pasaran pekerja terus bertambah baik seperti yang ditunjukkan oleh bilangan yang ketara lebih tinggi bagi kekosongan jawatan, yang dilaporkan berbanding dengan suku sebelum ini. Pertumbuhan produktiviti pekerja yang mapan juga menyokong kekukuhan pasaran pekerja.

Dari segi sektor luar negeri, imbangan perdagangan mencatat lebihan yang besar sebanyak RM23.9 bilion (S2 2005: RM22.9 bilion). Eksport kasar meningkat 7.5% pada suku ketiga 2005, diterajui terutamanya oleh pertumbuhan eksport mineral (25.8%) yang memberangsangkan dan pengembangan yang berterusan dalam eksport barangan perkilangan (6.3%). Perolehan yang lebih tinggi daripada eksport mineral mencerminkan harga yang lebih tinggi bagi minyak mentah dan gas asli cecair (LNG). Jumlah eksport LNG juga meningkat pada suku ketiga. Pertumbuhan yang bertambah kukuh dalam industri E&E disebabkan oleh permintaan yang kukuh terhadap komputer dan barangan berkaitan dengan komputer serta pemulihan dalam jualan separa konduktor, di samping pengembangan yang berterusan dalam eksport keluaran berasaskan sumber terpilih, terutama keluaran getah dan keluaran petroleum, yang menyumbang kepada pertumbuhan dalam eksport barangan

perkilangan. Sementara itu, perolehan eksport pertanian yang lebih tinggi daripada getah, kayu balak dan kayu siap digergaji membantu mengimbangi sebahagian daripada kejatuhan dalam hasil eksport minyak sawit yang disebabkan keseluruhannya oleh harga yang lebih rendah pada suku itu. Walaupun lebih rendah, harga eksport minyak sawit kekal tinggi dengan purata pada RM1,435 setan pada suku ketiga.

Sejajar dengan pertumbuhan eksport barangan perkilangan, serta perbelanjaan pengguna dan pelaburan yang lebih kukuh, import kasar meningkat 8.1%. Import barangan pengantara yang digunakan sebagai bahan mentah untuk barangan perkilangan, berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 6.2%. Import barangan modal (tidak termasuk barangan *lumpy*) juga meningkat dengan ketara sebanyak 17.4%, dengan sebahagian besar daripada import disalurkan kepada sektor perkilangan, perkhidmatan, serta minyak dan gas untuk aktiviti peningkatan kapasiti dan penaikan taraf. Import barangan penggunaan terus meningkat 5.3%, mencerminkan perbelanjaan penggunaan swasta yang mapan.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (FDI) bersih, selepas mengambil kira transaksi pinjaman jangka pendek oleh syarikat yang dikuasai bukan pemastautin, mencatat aliran masuk sebanyak RM0.9 bilion, yang disalurkan terutamanya kepada sektor minyak dan gas, perkhidmatan serta perkilangan. FDI pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport. Sementara itu, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar yang lebih kecil sebanyak RM1.3 bilion, manakala pelaburan portfolio (aliran ekuiti dan hutang) mencatat aliran keluar sebanyak RM0.2 bilion.

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM302.7 bilion (USD80.3 bilion) pada 30 September 2005. Paras rizab telah mengambil kira pelarasan penilaian semula pertukaran asing suku tahunan, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama. Pada 15 November 2005, rizab berjumlah RM285.2 bilion (USD75.7 bilion), memadai untuk membiayai 8.4 bulan import tertangguh dan ialah 5.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada 2.70% pada suku ketiga 2005. Sementara itu, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman secara relatif kekal stabil, bergerak dalam julat 2.66-2.73% dengan purata sebanyak 2.70% pada suku itu.

Pembiayaan sektor swasta kasar melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada kadar tahunan 7.3% pada suku ketiga 2005, hasil daripada permintaan yang kukuh oleh sektor perniagaan dan isi rumah. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.2% pada akhir suku ketiga 2005.

Aktiviti pemberian pinjaman bank lebih kukuh pada suku ketiga 2005, dengan jumlah pinjaman terkumpul mengembang pada kadar tahunan 9.2% pada akhir suku itu. Kebanyakan penunjuk pinjaman utama meningkat dengan menyeluruh pada asas tahunan dan berbanding dengan suku sebelumnya. Pemberian pinjaman bank kepada perusahaan perniagaan menjadi kukuh pada suku itu, dengan pinjaman terkumpul tumbuh pada kadar tahunan 3.9% pada akhir suku ketiga 2005. Walau bagaimanapun, pembiayaan bank kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus mengatasi keseluruhan pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan, dengan mengembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih pantas, iaitu 9.8% pada akhir suku ketiga. Tambahan pula, bilangan akaun PKS yang diluluskan pinjamannya meningkat kepada 24,715 pada suku itu. Pemberian pinjaman bank kepada sektor isi rumah kekal kukuh dengan jumlah pinjaman isi rumah terkumpul tumbuh sebanyak 14.9% pada asas tahunan pada akhir suku ketiga.

Secara umum, pertumbuhan agregat monetari kekal seiring dengan pengembangan aktiviti ekonomi. Wang secara kecil atau M1, meningkat pada kadar tahunan 9.9% pada akhir suku ketiga 2005, manakala wang secara luas atau M3, berkembang pada kadar tahunan 10.9% pada akhir suku itu. Pendorong utama di sebalik pertumbuhan M3 ialah pinjaman yang lebih besar yang dikeluarkan kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Operasi Kerajaan dan operasi luaran bersih pula menguncup terhadap M3.

Pasaran modal menggembleng RM10.9 bilion pada asas bersih pada suku ketiga 2005, disebabkan terutamanya oleh dana yang lebih tinggi yang diperoleh daripada pasaran bon. Jumlah dana kasar yang lebih besar sebanyak RM9.7 bilion yang diperoleh dalam pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) telah disokong oleh hasil pulangan semasa yang rendah bagi bon jangka sederhana dan jangka panjang. Sejumlah besar daripada dana ini (57.8% daripada jumlah keseluruhan) disalurkan kepada pembiayaan aktiviti baru.

Pada 21 Julai 2005, tambatan ringgit pada dolar Amerika Syarikat telah digantikan oleh sistem apungan terurus. Nilai ringgit kini dipantau berbanding dengan sekumpulan mata wang wajaran perdagangan. Sejak peralihan kepada apungan terurus pada 21 Julai 2005 sehingga akhir suku ketiga 2005, ringgit telah naik nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau. Walau bagaimanapun, kenaikan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS di peringkat permulaan berikutan pelarasan dasar disederhanakan oleh jangkaan pasaran mengenai kenaikan seterusnya dalam kadar faedah AS.

Sistem perbankan kekal teguh

Kedudukan kewangan sistem perbankan kekal teguh pada suku ketiga 2005. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) ialah 13.3% pada akhir bulan September 2005. Sistem perbankan juga mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM9.1 bilion bagi tempoh sehingga 30 September 2005. Ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti berkaitan

faedah dan berasaskan fi, serta aktiviti perdagangan dan pelaburan. Penurunan yang berterusan dalam pinjaman tidak berbayar (NPL) menyumbang kepada peningkatan dalam kualiti aset sistem perbankan. NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun sebanyak 2.1% kepada RM25.5 bilion (klasifikasi 3 bulan: RM32 bilion; -6.9%), disokong oleh kutipan balik dan pengelasan semula NPL kepada akaun berbayar. Dengan penurunan tersebut, nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan terus bertambah baik kepada 4.8% (klasifikasi 3 bulan: 6.1%).

Prospek jangka masa terdekat kekal menggalakkan

Prospek ekonomi Malaysia bagi bulan-bulan seterusnya tahun ini kekal menggalakkan. Pertumbuhan ekonomi global dijangka dapat dikekalkan pada kadar yang stabil, sungguhpun harga minyak tinggi. Momentum pertumbuhan di AS kekal kukuh meskipun mendapat kesan daripada taufan, sementara pemulihan di Jepun menjadi bertambah nyata. Pengembangan permintaan serantau dijangka kekal kukuh, disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam kitaran elektronik global dan pertumbuhan yang kekal kukuh di Republik Rakyat China. Oleh itu, persekitaran luar negeri yang menggalakkan itu dijangka menyokong pengembangan dalam permintaan dalam negeri.

Berikutan perkembangan itu, momentum pertumbuhan Malaysia dijangka berterusan pada suku keempat, disokong oleh permintaan luar negeri yang kukuh dan pengembangan permintaan domestik yang berkekalan, berikutan aktiviti yang diterajui oleh sektor swasta. Sektor elektronik dijangka mendapat manfaat daripada pemulihan yang sedang berlaku dalam industri separa konduktor dunia. Harga komoditi dijangka kekal pada paras yang tinggi dan ini dijangka menjana impak yang positif kepada eksport dan penggunaan swasta. Penunjuk juga menyarankan aktiviti sektor swasta akan terus meningkat. Indeks Pelopor Jabatan Perangkaan Malaysia terkini mencatat kenaikan, dengan itu menunjukkan bahawa ekonomi akan terus berkembang sehingga suku pertama 2006.

PERKEMBANGAN EKONOMI SUKU KETIGA 2005

Keadaan Ekonomi Antarabangsa

Pertumbuhan di negara perindustrian utama dan ekonomi serantau kekal, walaupun harga minyak tinggi

Ekonomi global menjadi kukuh dalam keadaan harga minyak yang tinggi pada suku ketiga. Momentum pertumbuhan di Amerika Syarikat (AS) dan Republik Rakyat China (RR China) dapat dikekalkan dan disokong oleh pemulihan yang lebih kukuh di kawasan euro dan Jepun.

Ekonomi **AS** kekal berdaya tahan meskipun mengalami kemusnahan akibat taufan. Anggaran awal bagi suku ketiga menunjukkan bahawa ekonomi AS telah berkembang 3.8%, disokong terutamanya oleh perbelanjaan pengguna dan perbelanjaan kerajaan. Walau bagaimanapun, penunjuk utama memperlihatkan prestasi yang bercampur-campur kerana sesetengah data seperti tuntutan daripada pengangguran dan kadar pengangguran telah dipengaruhi oleh kesan taufan. Sementara itu, ekonomi **United Kingdom** mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 1.6% pada suku ketiga, meskipun terdapat pemulihan dalam sektor perkilangan disebabkan terutamanya oleh pengurangan dalam pengeluaran utiliti dan kemerosotan dalam pengeluaran minyak dan gas. Di **kawasan euro**, ekonomi berkembang lebih kukuh daripada jangkaan sebanyak 1.5% pada suku ketiga, hasil daripada pengembangan yang diterajui oleh eksport di Jerman dan perbelanjaan pengguna di Perancis. Di **Jepun**, ekonomi berkembang 1.7%, didorong oleh perbelanjaan modal dan penggunaan swasta yang berterusan.

Negara-negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2004		2005			Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan %					
AS[1]	4.0	3.3	3.8	3.3	3.8[a]	Pertumbuhan yang lebih kukuh daripada jangkaan disokong oleh perbelanjaan pengguna dan kerajaan yang kukuh.
UK	3.0	2.5	1.7[r]	1.5[r]	1.6[p]	Kemerosotan dalam output utiliti dan pengeluaran minyak dan gas membawa kepada pengembangan yang lebih sederhana meskipun terdapat pemulihan dalam sektor pembuatan.
Kawasan Euro	1.9	1.6	1.3	1.1	1.5[p]	Pertumbuhan disokong oleh pengembangan yang diterajui oleh eksport di Jerman dan perbelanjaan pengguna di Perancis.
Jepun[1]	-0.5	0.4[r]	6.3[r]	3.3	1.7[p]	Pertumbuhan kembali pulih didorong oleh perbelanjaan modal dan penggunaan swasta.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[r] Semak semula
[a] Anggaran awal
[p] Awalan
Sumber: Pihak berkuasa negara

Harga minyak mentah global mencatat paras tertinggi baru pada suku ketiga kepada USD70.85 setong pada 30 Ogos disebabkan terutamanya oleh gangguan pengeluaran minyak dan kapasiti penapisan di Teluk Mexico, AS oleh Taufan Katrina. Semenjak itu, harga minyak telah menurun hingga ke sekitar USD57 - USD60 setong pada separuh pertama bulan November. Keadaan cuaca yang sederhana di Hemisfera Utara dan pemulihan pengeluaran minyak di AS telah mengurangkan kebimbangan tentang kekurangan bekalan minyak. Walau bagaimanapun, harga minyak dijangka terus disokong oleh faktor utama seperti permintaan

global yang terus kukuh, terutamanya dari AS dan RR China serta kapasiti lebihan pengeluaran dan penapisan yang terhad.

Harga minyak yang tinggi telah menimbulkan kebimbangan tentang tekanan inflasi yang semakin meningkat di kalangan sesetengah negara perindustrian. Di AS, Federal Reserve terus menaikkan kadar faedah dasar sebanyak 25 mata asas pada setiap mesyuarat pada bulan Ogos, September dan November sehingga mencapai 4%. Sebaliknya, Bank of England pula mengurangkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas kepada 4.5% pada 4 Ogos berikutan kebimbangan tentang pertumbuhan ekonomi yang kian lemah.

Di **rantau Asia**, pertumbuhan ekonomi kekal kukuh dengan pengembangan diterajui oleh RR China dan disokong oleh prestasi yang semakin baik di negara serantau yang lain. Pertumbuhan ekonomi adalah lebih kukuh di Hong Kong China, Singapura dan Korea berbanding dengan prestasi yang dicatat pada suku kedua. Eksport terus kukuh, disokong oleh peningkatan dalam permintaan terhadap barangan elektrik dan elektronik.

Sementara itu, **inflasi** di rantau Asia terus meningkat disebabkan oleh harga minyak yang lebih tinggi dan penghapusan sepenuhnya atau sebahagian subsidi bahan api. Inflasi melonjak ke paras tertinggi dalam tujuh tahun di Thailand berikutan penghapusan subsidi negara untuk harga diesel pada bulan Julai. Di Indonesia, inflasi mencapai pertumbuhan dua angka berikutan kenaikan harga bahan api baru-baru ini. Bagi mengawal kenaikan inflasi, Korea, Thailand, Filipina, India dan Indonesia telah menaikkan kadar faedah manakala Singapura mengekalkan dasar yang membenarkan peningkatan dolar Singapura secara sederhana dan beransur-ansur.

Dalam **pasaran mata wang**, dolar AS terus mencatat penambahan nilai yang menyeluruh berbanding dengan mata wang utama yang lain. Kekukuhan dolar AS disokong oleh pandangan bahawa Federal Reserve akan meneruskan dasar monetari yang ketat. Ini berikutan pandangan daripada pegawai tertinggi Fed bahawa ekonomi AS kekal berdaya tahan meskipun terdapat kesan buruk akibat taufan. Dolar AS juga disokong oleh tanggapan bahawa mata wang itu semakin memberi pulangan yang tinggi di kalangan mata wang G7, bukan hanya sebagai mata wang pendanaan. Sementara itu, kebanyakan mata wang negara serantau menambah nilai pada permulaan suku ketiga berikutan pengumuman perubahan rejim pertukaran mata wang RR China pada 21 Julai, tetapi kemudiannya menurun kerana kebimbangan terhadap kesan harga minyak yang mencatat

Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2004		2005			Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	9.1	9.5	9.4	9.6	9.2	Disokong oleh pelaburan dan eksport yang kukuh.
Hong Kong China	6.7	7.2	6.2	7.3	8.2	Didorong oleh perbelanjaan penggunaan swasta, eksport dan pelaburan yang kukuh
Singapura	7.2	6.5	2.7	5.4	7.0	Didorong terutamanya oleh kenaikan kukuh dalam pembuatan bioperubatan serta kelompok kejuruteraan pengangkutan dan kimia
Indonesia	5.0	6.7	6.1	5.8	5.3	Disokong oleh penggunaan swasta dan perbelanjaan kerajaan.
Korea	4.7	3.3	2.7	3.3	4.4	Disokong oleh eksport dan penggunaan swasta.
China Taipei	5.3	3.3	2.5	3.0	4.4	Disebabkan oleh eksport yang kukuh.

Sumber: Pihak berkuasa negara

paras tertinggi atas kedudukan imbangan pembayaran dan khususnya, prospek pertumbuhan bagi negara pengimport minyak bersih.

Melangkah ke hadapan, meskipun terdapat ketidakpastian yang berterusan seperti harga minyak yang tinggi dan potensi jangkitan selesema burung, pengembangan ekonomi global dijangka dikekalkan pada pertumbuhan yang stabil. Ekonomi global mempunyai kapasiti yang lebih besar untuk menyerap kos tenaga semasa yang tinggi memandangkan peningkatan penggunaan minyak yang efisien terutamanya di negara-negara maju, bahagian perbelanjaan tenaga yang lebih rendah dan pertumbuhan pendapatan yang berterusan. Prospek juga diperkukuh oleh pemulihan kitaran elektronik global.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan ekonomi diterajui terutamanya oleh sektor perkhidmatan…

Ekonomi Malaysia berkembang 5.3% pada suku ketiga 2005 (S2 2005: 4.4%), didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan menyumbang 4.2 mata peratusan kepada pertumbuhan pada suku itu. Perbelanjaan pengguna dalam negeri dan pelancong yang kukuh serta peningkatan aktiviti sektor perniagaan menyokong pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan pada suku ketiga. Sementara itu, pertumbuhan nilai ditambah sektor perkilangan dikekalkan, mencerminkan peningkatan industri keluaran elektronik dan elektrik serta pertumbuhan industri keluaran kimia dan industri berorientasikan dalam negeri terpilih seperti industri keluaran makanan dan kelengkapan pengangkutan. Pertumbuhan nilai ditambah sektor perlombongan disokong oleh pengeluaran gas asli yang tinggi, sementara pertumbuhan sektor pertanian masih positif, disokong oleh peningkatan keluaran tanaman perladangan dan tanaman jenis makanan terpilih.

KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan %				
Pertanian	4.9	7.3	6.0	3.3	0.9
Perlombongan	4.5	4.4	3.4	-1.5	3.4
Perkilangan	9.9	5.5	5.7	3.1	3.4
Pembinaan	-2.6	-2.6	-2.4	-2.0	-1.4
Perkhidmatan	6.2	6.5	6.9	6.0	7.3
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**6.7**	**5.8**	**6.2**	**4.4**	**5.3**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**2.7**	**1.9**	**-2.9**	**2.7**	**3.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nilai ditambah **sektor perkhidmatan** mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.3% pada suku ketiga 2005 mencerminkan pengembangan yang menyeluruh di kesemua subsektor. Secara khusus, pertumbuhan subsektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran meningkat 10% (S2 2005: 7.1%), didorong oleh perbelanjaan pengguna dalam negeri dan pelancong asing yang kukuh, terutamanya semasa Karnival Jualan Mega. Pengenalan lima hari bekerja dalam seminggu untuk kakitangan Kerajaan terus menyumbang kepada peningkatan pelancongan dalam negeri dan perbelanjaan pengguna pada suku ketiga. Sementara itu, ketibaan pelancong asing mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.9% pada suku ketiga (S2 2005:

2.5%). Selain itu, aktiviti perdagangan edaran dalam segmen kenderaan bermotor juga mantap, disokong oleh pelancaran model baru dan pemasaran yang agresif oleh peniaga kereta.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	Bahagian 2004	2004		2005		
		S3	S4	S1	S2	S3
	%	Perubahan tahunan %				
Perkhidmatan Pengantara	**41.5**	**6.2**	**6.9**	**6.9**	**5.0**	**5.5**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	15.3	7.6	9.3	10.4	5.5	3.8
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	26.3	5.5	5.6	4.8	4.7	6.5
Perkhidmatan Akhir	**58.5**	**6.1**	**6.3**	**6.9**	**6.7**	**8.6**
Elektrik, gas & air	7.2	8.0	7.3	5.9	6.0	6.6
Perniagaan borong & runcit, hotel dan restoran	24.9	6.0	6.9	7.7	7.1	10.0
Perkhidmatan Kerajaan	12.8	7.0	7.2	8.4	8.3	10.2
Perkhidmatan lain	13.6	4.5	3.7	4.7	4.9	5.7
Jumlah Perkhidmatan	**100**	**6.2**	**6.5**	**6.9**	**6.0**	**7.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi berkembang 3.8%, disokong terutamanya oleh prestasi industri telekomunikasi yang memuaskan dan peningkatan aktiviti pengangkutan yang berterusan, terutamanya aktiviti pengangkutan penumpang udara dan pelabuhan. Pemasaran yang agresif oleh syarikat telekomunikasi utama telah menyebabkan peningkatan hampir satu juta pelanggan baru telefon selular dan 77,000 pelanggan baru jalur lebar pada suku ketiga. Pertumbuhan subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan disokong oleh aktiviti pemberian pinjaman bank dan aktiviti insurans yang kukuh, terutamanya insurans am. Subsektor itu juga mendapat manfaat daripada pertumbuhan yang pesat dalam aktivtiti baru seperti aktiviti perkhidmatan perkongsian dan penggunaan sumber luaran, dan aktiviti dagangan yang meningkat dalam pasaran saham. Perkhidmatan Kerajaan berkembang 10.2% pada suku ketiga berikutan emolumen yang lebih tinggi, sebahagiannya kerana kenaikan elaun perkhidmatan awam terpilih. Sementara itu, permintaan yang meningkat terhadap bekalan elektrik daripada kategori pengguna utama, iaitu kategori komersial dan isi rumah, menyokong pertumbuhan subsektor elektrik, gas dan air.

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	51.5	15.4	4.6	2.5	5.9
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	15.2	11.2	6.6	5.5	4.7
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	14.7	16.4	17.4	18.0	18.6
Pinjaman terkumpul bagi perniagaan borong & runcit, restoran & hotel	9.5	11.0	12.7	12.6	12.6
Import barangan penggunaan	38.8	16.4	10.7	4.3	5.3
Jumlah jualan kereta penumpang	21.6	27.3	13.7	-1.2	-2.8
Jumlah jualan kenderaan komersial	25.3	39.3	57.1	47.3	65.8
Kadar penembusan telefon selular (%)	50.8	56.5	60.9	63.3	66.8
Trafik SMS	53.0	77.8	70.6	91.0	142.1
Kargo yang dikendali (kesemua lapangan terbang)	13.7	10.2	5.3	5.3	0.3
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	8.8	3.6	4.7	2.1	5.2

Sumber: Pelbagai sumber

Pengembangan yang berterusan dalam sektor perkilangan...

Nilai ditambah **sektor perkilangan** berkembang 3.4% pada suku ketiga 2005 (S3 2005: 3.1%). Pertumbuhan **industri berorientasikan eksport** kekal pada 4.1% (S2 2005: 4.1%), disokong oleh peningkatan industri elektronik dan barangan elektrik (E&E). Pada suku ketiga, pengeluaran industri E&E

meningkat 3.2% (S2 2005: 0.9%), disebabkan oleh permintaan yang kukuh terhadap komputer dan barangan berkaitan dengan komputer yang sebahagiannya mendapat manfaat daripada perpindahan sejagat kepada penggunaan komputer mudah alih dan tanpa wayar serta peningkatan industri separa konduktor global. Pengembangan industri keluaran kimia disokong oleh pengembangan yang kukuh subsektor keluaran resin sintetik dan keluaran plastik sementara industri tekstil pulih, diterajui oleh subsektor pakaian. Sejajar dengan pengembangan yang sederhana dalam pengeluaran minyak sawit mentah, aktiviti pemprosesan luar estet mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 7.3% pada suku ketiga (S2 2005: 18.9%).

Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan



Dalam **industri berorientasikan pasaran dalam negeri**, subsektor kelengkapan pengangkutan terus berkembang dengan mantap sebanyak 12.7% (S2 2005: 10.1%), disokong oleh permintaan yang tinggi terhadap kenderaan bermotor, yang dirangsang oleh pelancaran kenderaan model baru serta pakej pinjaman menarik yang berterusan. Selain itu, keluaran industri barangan makanan meningkat dengan pertumbuhan dua angka sebanyak 11.4% (S2 2005: 6%), disokong oleh penggunaan dalam negeri yang kukuh. Sementara itu, industri yang berkaitan dengan sektor pembinaan, iaitu industri barangan asas logam, galian bukan logam dan barangan logam direka terus menguncup sejajar dengan prestasi sektor pembinaan yang lemah.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (harga malar)	**9.9**	**5.5**	**5.7**	**3.1**	**3.4**
Pengeluaran Keseluruhan	**11.6**	**7.5**	**5.6**	**2.8**	**2.9**
Industri berorientasikan eksport	**12.8**	**7.8**	**5.4**	**4.1**	**4.1**
Antaranya:					
Elektronik dan barangan elektrik	19.3	5.1	-1.2	0.9	3.2
Elektronik	27.0	9.6	-0.1	2.9	5.9
Barangan Elektrik	-8.8	-13.8	-7.1	-9.2	-10.5
Bahan kimia dan keluaran kimia	8.7	13.3	16.0	10.8	8.9
Kayu dan keluaran kayu [1]	11.3	5.1	-3.4	-6.6	-5.5
Tekstil & pakaian	-13.8	-14.5	-4.4	-4.6	5.8
Pemprosesan luar estet	1.5	17.9	24.6	18.9	7.3
Keluaran getah	7.5	9.1	10.9	-0.2	-3.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**7.2**	**6.3**	**6.4**	**-1.3**	**-1.4**
Antaranya:					
Keluaran galian bukan logam	-4.6	-4.8	-3.6	-4.1	-1.3
Keluaran logam yang direka	38.0	21.4	15.9	-12.7	-14.6
Besi & keluli dan logam bukan ferum	-1.9	4.7	-3.6	-6.1	-9.8
Makanan	-1.8	-0.5	2.3	6.0	11.4
Kelengkapan pengangkutan	6.4	17.8	13.5	10.1	12.7
Keluaran petroleum	7.1	5.4	10.4	5.8	5.0
Jumlah Eksport Perkilangan	**27.3**	**13.5**	**12.0**	**9.3**	**6.3**
Antaranya:					
Keluaran elektrik dan elektronik	21.3	7.5	9.9	8.7	6.8
Bahan kimia dan keluaran kimia	43.6	26.9	20.7	3.4	1.3
Keluaran petroleum	66.8	57.1	18.0	45.8	19.4
Peralatan optikal & saintifik	40.5	19.6	22.9	-4.3	-0.7
Keluaran kayu	47.1	12.4	16.8	4.6	-14.9
Barangan perabot	24.5	16.2	10.3	11.9	3.0
Keluaran getah	21.3	14.5	11.9	8.5	10.0

[1] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar **penggunaan kapasiti secara keseluruhan** bagi sektor perkilangan kekal tidak berubah sebanyak 76% daripada paras suku kedua, dengan industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri masing-masing beroperasi pada tahap 78% dan 73% (S2 2005: masing-masing 78% dan 73%)

Sumbangan positif daripada sektor komoditi …

Sektor komoditi utama menyumbang secara positif kepada pertumbuhan suku ketiga 2005. Sektor pertanian meningkat 0.9% (S2 2005: 3.3%) mencerminkan pertumbuhan pengeluaran minyak sawit yang lebih perlahan diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan pengeluaran aktiviti lain, termasuk getah, ternakan, akuakultur dan pertanian lain seperti padi dan sayur-sayuran. Nilai ditambah sektor perlombongan menjadi kukuh, dengan peningkatan 3.4% (S2 2005: -1.5%) disebabkan keseluruhannya oleh peningkatan yang ketara dalam pengeluaran gas asli. Sementara itu, pengeluaran minyak mentah menurun, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan dua suku tahunan sebelum ini.

Prestasi Sektor Pertanian

	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga 1987)	**4.9**	**7.3**	**6.0**	**3.3**	**0.9**
Pengeluaran [1]					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	5.2	16.5	27.5	14.5	0.2
Minyak isirong sawit mentah	-3.5	11.8	27.2	25.1	7.8
Getah	20.7	7.2	-9.2	-6.0	3.7
Kayu balak	5.3	2.7	-2.2	-16.8	-12.9
Biji koko	17.7	17.9	-10.9	-29.9	-19.0
Eksport (RM juta)	**4.2**	**1.2**	**6.2**	**4.9**	**-0.1**
Antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	-14.0	2.3	13.9	28.6	4.8
(RM/tan)	5.9	-6.1	-15.7	-21.2	-13.5
(RM juta)	-8.9	-3.9	-4.0	1.4	-10.0
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	-39.9	-24.7	14.5	-0.8	-14.3
(RM/tan)	55.9	38.9	8.3	-4.3	-5.8
(RM juta)	-6.4	4.5	24.1	-5.1	-19.2
Getah					
('000 tan)	15.3	16.6	-0.8	5.3	4.4
(Sen/kilogram)	29.0	2.6	-2.2	-3.2	13.0
(RM juta)	48.7	19.6	-2.9	2.0	18.0
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	15.3	16.3	47.8	15.8	9.1
(RM/meter padu)	-1.9	-10.2	-10.3	18.7	5.7
(RM juta)	13.1	4.4	32.6	37.5	15.3
Kayu balak					
('000 meter padu)	22.8	-17.9	42.2	13.7	-4.4
(RM/meter padu)	7.3	6.2	4.4	-3.6	14.7
(RM juta)	31.8	-12.8	48.4	9.7	9.7
Biji koko					
('000 tan)	53.8	-15.6	183.4	-15.8	-77.6
(RM/tan)	-5.8	-5.9	0.7	-6.9	18.6
(RM juta)	44.8	-20.6	185.3	-21.6	-73.4

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam **sektor pertanian**, pengeluaran minyak sawit mentah mencatat peningkatan yang kecil sebanyak 0.2% pada suku ketiga. Peningkatan yang kecil disebabkan oleh hasil tandan buah segar (FFB) yang lebih rendah berbanding dengan kadar yang nyata lebih tinggi yang dicatat pada tempoh yang sama tahun 2004. Hasil dari segi FFB merosot 4.3% kepada 5.14 tan sehektar (S3 2004: 5.37 tan sehektar). Namun demikian, kemerosotan ini diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan yang kukuh dalam kadar perahan minyak (OER) yang meningkat kepada 20.17% (S3 2004: 20.11%). Oleh itu, pengeluaran bulanan purata minyak sawit mentah kekal pada 1.36 juta tan (S3 2004: 1.36 juta tan), dengan menghasilkan jumlah pengeluaran sebanyak 4.09 juta tan pada suku tersebut (S2 2005: 3.75 juta tan; S1 2005: 3.42 juta tan).

Pengeluaran getah meningkat 3.7% selepas mencatat kemerosotan selama dua suku tahunan berturut-turut, hasil pemulihan pengeluaran susu getah daripada kesan buruk musim kemarau yang berlaku pada separuh pertama tahun 2005. Di samping itu, pekebun kecil yang mencakupi 95% daripada jumlah pengeluaran getah negara, meningkatkan aktiviti penorehan, didorong oleh harga yang menggalakkan, iaitu melebihi paras 500 sen sekilogram, harga sebutan pada suku

tersebut (552 sen sekilogram; S2 2005: 467 sen sekilogram). Pemulihan daripada keadaan cuaca yang terlalu kering yang berlaku pada suku-suku tahunan sebelum ini juga mencerminkan peningkatan pengeluaran tanaman jenis makanan seperti padi dan sayur-sayuran pada suku tersebut. Produk akuakultur mencatat peningkatan yang ketara pada suku ketiga dengan peningkatan 13.2%, mencerminkan pertambahan permintaan dari dalam dan luar negeri bagi produk seperti rumpai laut, ikan hiasan dan surimi.

Pertumbuhan dalam **sektor perlombongan** didorong keseluruhannya oleh peningkatan yang nyata dalam pengeluaran gas asli, yang berkembang pada kadar dua angka sebanyak 15.9% kepada 5,363 juta kaki padu standard sehari. Pengeluaran yang lebih kukuh ini berikutan permulaan pengeluaran beberapa medan gas baru di luar pesisir Semenanjung Malaysia dan Sabah yang menyebabkan kadar penggunaan kapasiti meningkat di loji MLNG, Sarawak dan Loji Pemprosesan Gas (GPP) di Semenanjung Malaysia. Peningkatan pengeluaran ini adalah kesan daripada peningkatan permintaan pembeli tempatan, termasuk penjana kuasa tenaga dan pengguna industri, dan juga pembeli luar negeri. Pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) mencatat kemerosotan yang lebih kecil sebanyak 2.4%. Pada suku ketiga, sebanyak 745,180 tong sehari minyak mentah dikeluarkan berbanding dengan 670,520 tong sehari pada suku sebelum ini apabila beberapa medan dan loji minyak ditutup untuk tujuan penyelenggaraan.

Prestasi Sektor Perlombongan

	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan %				
Nilai ditambah (pada harga 1987)	**4.5**	**4.4**	**3.4**	**-1.5**	**3.4**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	5.4	1.4	-5.2	-9.2	-2.4
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	-1.5	10.3	19.8	12.1	15.9
Eksport (RM juta)	**50.1**	**44.7**	**34.8**	**30.1**	**25.8**
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	7.8	-11.0	-1.1	-5.3	-9.4
(USD/tong)	50.6	53.3	36.0	43.4	42.5
(RM juta)	62.3	36.4	34.5	35.7	29.0
Gas asli cecair					
('000 tan)	8.9	19.4	17.6	2.5	5.7
(RM/tan)	11.7	15.9	12.8	14.0	16.8
(RM juta)	21.7	38.5	32.7	16.8	23.4

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti pembinaan disokong oleh segmen kediaman...

Sektor pembinaan menguncup lagi, walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.4% pada suku ketiga 2005 (S2 2005 : -2%). Aktiviti kejuruteraan awam kekal lembap untuk beberapa suku berikutan siapnya beberapa projek infrastruktur besar. Oleh itu, syarikat-syarikat pembinaan mengembangkan aktiviti mereka ke luar negara. Syarikat-syarikat itu telah berjaya mendapatkan projek, termasuk projek perumahan kos rendah di Thailand, loji jana kuasa hidro di Laos, lapangan terbang di Qatar dan projek lebuh raya di India dan Bosnia. Dalam segmen kediaman, pertumbuhan permintaan dikekalkan disebabkan oleh pendapatan boleh guna yang meningkat dan suasana kredit yang kompetitif. Dalam segmen bukan kediaman, permintaan terhadap ruang pejabat dan ruang perniagaan terus disokong

oleh aktiviti sektor perniagaan. Melangkah ke hadapan, sektor pembinaan dijangka bertambah baik dengan mendapat manfaat daripada perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi yang diumumkan pada Bajet 2006 serta langkah-langkah yang diambil untuk mempercepat beberapa projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Penunjuk Pembinaan

	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	-31.9	-19.4	2.3	10.1	45.4
Kelulusan perumahan	-30.7	-34.9	11.2	-26.9	2.4
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	-3.4	-0.4	-3.6	-5.1	-5.2
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	39.0	14.8	47.6	-14.5	-4.0
Import bahan pembinaan dan keluaran galian	86.9	15.8	6.1	-5.7	-20.1*

* *Julai-Ogos 2005*

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor swasta terus memacu pertumbuhan

Permintaan dalam negeri menjadi kukuh pada suku ketiga dengan mencatat pertumbuhan tahunan 9.4%. Perbelanjaan sektor swasta terus menyokong momentum pertumbuhan.

KDNK mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Agregat Permintaan Dalam Negeri (tidak termasuk stok)	7.0	6.7	6.5	6.2	9.4
Penggunaan	8.7	8.6	8.4	5.9	9.3
Sektor swasta	11.2	10.2	10.1	7.4	10.4
Sektor awam	1.1	4.2	1.5	0.9	5.9
Pembentukan Modal Tetap Kasar	3.2	2.2	2.0	6.7	9.6
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	19.0	10.2	9.5	7.9	5.7
Import Barangan dan Perkhidmatan	24.3	12.9	7.6	6.9	7.4
KDNK	**6.7**	**5.8**	**6.2**	**4.4**	**5.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta menjadi kukuh pada suku ketiga dengan pertumbuhan 10.4% (S2 2005: 7.4%) . Keadaan pasaran buruh yang stabil, pasaran kredit yang kompetitif dan harga komoditi yang tinggi merupakan faktor-faktor yang menyokong perbelanjaan pengguna. Penunjuk penggunaan utama, khususnya penunjuk kewangan seperti perbelanjaan kad kredit dan pertambahan kredit penggunaan menunjukkan perbelanjaan pengguna terus kukuh. Bilangan kereta penumpang baru yang dijual juga kekal tinggi, sebahagiannya hasil daripada kempen pemasaran yang agresif dan pelancaran model baru.

Sementara itu, **penggunaan awam** mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi disebabkan oleh perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Tahap Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Sederhana



Pembentukan modal tetap kasar menjadi kukuh dengan peningkatan 9.6% (S2 2005: 6.7%). Pelaburan sektor swasta kekal kukuh disebabkan oleh pengembangan kapasiti, penaikan taraf dan pelaburan baru

dalam aktiviti hiliran dalam kebanyakan sektor dalam ekonomi. Penunjuk pelaburan utama menunjukkan perbelanjaan pelaburan yang kukuh dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan serta subsektor petroleum dan gas. Ini dicerminkan oleh pertumbuhan import barangan modal untuk penggunaan sektor-sektor tersebut. Penunjuk utama lain seperti pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan dan jualan kenderaan perdagangan juga menunjukkan aktiviti pelaburan yang kukuh. Walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan lebih rendah, ia terus tertumpu pada peruntukan perkhidmatan asas seperti pengangkutan, pertanian dan pembangunan luar bandar, pendidikan, perumahan, penjagaan kesihatan dan utiliti sektor awam.

Keyakinan pengguna dan perniagaan kekal optimistik



Inflasi meningkat pada suku ketiga

Kadar tahunan inflasi, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna** (IHP), meningkat 3.4% pada suku ketiga 2005 (S2 2005: 3%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga bagi kategori pengangkutan dan perhubungan, yang berpunca daripada semakan menaik harga produk petroleum runcit yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2005.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 9% (S2 2005: 6.2%) didorong oleh kenaikan harga minyak mentah dan getah yang lebih daripada mengimbangi penurunan harga minyak sawit mentah. Walau bagaimanapun, tidak termasuk komoditi, IHPR meningkat 2.5% (S2 2005: 2.2%) , disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan binatang hidup yang lebih tinggi.

Sumbangan kepada Inflasi



Bilangan kekosongan jawatan yang lebih tinggi dan bilangan pencari kerja berdaftar yang menurun menunjukkan keadaan pasaran pekerja yang memuaskan…

Keadaan pasaran pekerja kekal memuaskan pada suku ketiga kerana bilangan kekosongan jawatan terus meningkat, sementara bilangan pencari kerja berdaftar menurun.

Sejumlah 77,578 kekosongan jawatan telah dilaporkan kepada pihak berkuasa sepanjang suku ketiga, jauh lebih tinggi daripada 28,715 jawatan yang dilaporkan pada suku kedua berikutan prestasi sektor perkilangan dan perkhidmatan yang terus berkembang. Sejajar dengan peningkatan

Penunjuk Pasaran Pekerja



kekosongan jawatan yang belum diisi, bilangan pencari kerja berdaftar dengan pihak berkuasa merosot pada bulan September. Bilangan pencari kerja berdaftar memuncak pada akhir bulan Ogos kepada 104,714 orang sebelum merosot 1.8% pada akhir bulan September kepada 102,795 orang (akhir bulan Jun: 82,708 orang). Walau bagaimanapun, jumlah pemberhentian pekerja telah meningkat kepada 4,875 orang pada suku ketiga (S2 2005: 2,570 orang). Namun begitu, jumlah ini masih lagi rendah daripada purata sebanyak 4,989 pemberhentian pekerja setiap suku yang dicatat pada tahun 2004.

Pertumbuhan produktiviti pekerja kekal positif dan melebihi pertumbuhan upah. Kadar produktiviti benar pekerja, yang diukur oleh nilai jualan benar bagi seorang pekerja dalam sektor perkilangan meningkat 8.8% (S2 2005: 9.6%) manakala kadar upah benar meningkat 1.1% (S2 2005: -0.4%).

Eksport dan import terus berkembang

Sejajar dengan pertumbuhan eksport perkilangan dan mineral, akaun perdagangan mencatat **lebihan perdagangan** yang besar sebanyak RM23.9 bilion (S2 2005: RM22.9 bilion) pada suku ketiga.

Imbangan perdagangan



Eksport kasar

Eksport kasar meningkat 7.5% pada suku ketiga 2005 (S2 2005: 10.8%) diterajui terutamanya oleh pertumbuhan yang mantap dalam eksport mineral dan pengembangan yang berterusan dalam eksport perkilangan. Sementara itu, eksport pertanian menurun sedikit pada suku tersebut.

Eksport **barangan perkilangan** meningkat 6.3% (S2 2005 : 9.3%), disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam industri keluaran elektronik dan elektrik (6.8%, S2 2005: 8.7%). Paling ketara, pertumbuhan dalam eksport komponen dan kelengkapan elektronik kekal kukuh pada 19.2% (S2 2005 :21.6%), didorong oleh penghantaran komputer dan keluaran berkaitan komputer yang lebih tinggi ke Amerika Syarikat dan negara serantau. Antara barangan berasaskan sumber yang terpilih, eksport keluaran getah terus meningkat 10% (S2 2005: 8.5%)

disebabkan pengimport meningkatkan stok sarung tangan getah atas jangkaan harga susu getah akan meningkat dalam jangka masa terdekat. Eksport barangan petroleum juga meningkat dengan kukuh sebanyak 19.4%, didorong oleh harga yang lebih tinggi dan permintaan yang mantap daripada negara serantau. Pada suku ketiga, jumlah eksport barangan perkilangan meningkat 7.7% manakala harga eksport merosot 1.3%.

Eksport mineral terus berkembang pada kadar yang memberangsangkan sebanyak 25.8% dengan mendapat manfaat daripada harga yang lebih tinggi. Harga minyak mentah antarabangsa meneruskan trend yang meningkat untuk mencapai paras tertinggi baru, melebihi tahap harga purata sebanyak USD60 setong pada suku tersebut. Keadaan penawaran global yang ketat telah diburukkan oleh penutupan yang berlanjutan beberapa pelantar dan loji penapisan minyak di Amerika Syarikat yang musnah akibat dua ribut taufan besar yang melanda negara tersebut. Kesannya, harga eksport minyak mentah Malaysia meningkat dengan ketara sebanyak 42.5% kepada harga purata sebanyak USD61.26 setong. Minyak mentah tanda aras premium Malaysia, Tapis Blend, mencapai paras tertinggi USD70.30 setong pada 30 Ogos dan kekal pada paras yang tinggi sekitar USD65 - 69 setong sehingga penghujung bulan September. Eksport gas asli cecair (LNG) meningkat 23.4% disebabkan oleh kenaikan harga (16.8%) dan jumlah eksport (5.7%). Sejajar dengan permintaan yang kukuh dalam pasaran tenaga utama, harga LNG mencecah paras tertinggi bulanan baru sebanyak RM1,007 setan pada bulan September 2005.

Eksport pertanian merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.1% (S2 2005: 4.9%) disebabkan terutamanya oleh eksport minyak sawit yang lebih rendah. Kemerosotan ini sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan hasil eksport komoditi lain seperti getah, kayu balak dan kayu siap digergaji. Hasil daripada minyak sawit, iaitu keluaran eksport pertanian terbesar, menurun 10% pada suku tersebut disebabkan keseluruhannya oleh harga yang lebih rendah (-13.5%) yang berpurata sebanyak RM1,435 setan berbanding dengan paras harga yang tinggi pada tempoh yang sama tahun 2004 (S3 2004: RM1,660 setan). Namun demikian, jumlah eksport kekal kukuh dengan peningkatan 4% disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi dari RR China dan AS. Eksport getah meningkat 18%, disokong oleh harga yang lebih tinggi (13%) serta permintaan getah asli yang meningkat daripada industri utama, khususnya industri automotif kerana harga getah sintetik yang merupakan pesaing utama menjadi lebih mahal berikutan harga minyak mentah yang lebih tinggi.

Perdagangan Malaysia dengan rakan dagangannya yang utama terus berkembang.

Akaun Perdagangan

	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport kasar	**27.5**	**16.1**	**13.7**	**10.8**	**7.5**
Perkilangan	*27.3*	*13.5*	*12.0*	*9.3*	*6.3*
Pertanian	*4.2*	*1.2*	*6.2*	*4.9*	*-0.1*
Mineral	*50.1*	*44.7*	*34.8*	*30.1*	*25.8*
Import kasar	**31.1**	**19.1**	**10.1**	**8.0**	**8.1**
Barangan modal	*38.4*	*37.2*	*0.7*	*16.3*	*17.6*
Barangan pengantara	*25.5*	*13.5*	*10.6*	*5.9*	*6.2*
Barangan penggunaan	*38.8*	*16.4*	*10.7*	*4.3*	*5.3*
Imbangan perdagangan (RM bil)	**22.7**	**20.6**	**25.0**	**22.9**	**23.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport ke Amerika Syarikat (AS) meningkat 15.8% untuk mencakupi bahagian pasaran eksport yang lebih tinggi sebanyak 21%. Eksport ke AS didorong oleh kitaran penggantian kepada komputer tanpa wayar dan komputer riba. Hasilnya, lebihan perdagangan dengan AS meningkat kepada RM14.5 bilion (S2 2005: RM12.5 bilion).

Eksport ke negara serantau mencatat pertumbuhan 6.2%, disokong oleh pertumbuhan eksport ke Singapura, Thailand, Indonesia dan Hong Kong China. Eksport ke Thailand disokong oleh permintaan yang kukuh terhadap alat kelengkapan pejabat, komputer dan komponen, besi dan keluli serta kelengkapan optik dan saintifik, manakala Singapura terus mengimport jentera, alat ganti dan perkakas, dan keluaran getah dari Malaysia. Eksport ke Hong Kong China pula disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap litar bersepadu, keluaran kimia dan plastik. Pada suku ketiga, Malaysia turut mencatat pertumbuhan eksport ke India dan Australia yang lebih kukuh disebabkan terutamanya oleh eksport mineral.

Dari segi import, Malaysia terus mendapatkan bahan importnya dari Jepun, RR China, Singapura dan AS. RR China semakin menjadi sumber import utama Malaysia bagi barangan pengantara terutamanya mesin automasi memproses data, komputer dan komponen, litar bersepadu dan kelengkapan optik. Dengan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 30.9%, import dari RR China mencakup bahagian pasaran yang lebih besar, iaitu 12.5% daripada jumlah import Malaysia (S2 2005: 10.9%).

Pertumbuhan **import kasar** sebanyak 8.1% disebabkan terutamanya oleh import bahan-bahan yang digunakan untuk eksport barangan perkilangan serta perbelanjaan pengguna dan pelaburan yang lebih kukuh. Import **barangan pengantara** yang digunakan sebagai bahan mentah untuk barangan perkilangan, mengembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 6.2% (S2 2005: 5.9%) sejajar dengan pertumbuhan eksport barangan elektronik dan elektrik (E&E) dan produk berasaskan sumber seperti bahan kimia. Pertumbuhan industri pemasangan kenderaan bermotor menyebabkan import alat ganti dan

Malaysia: Destinasi eksport

	2004		2005			2004		2005			2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3	S1	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion					Bahagian daripada jumlah eksport (%)					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**25.0**	**23.2**	**21.6**	**27.0**	**28.9**	**19.5**	**18.3**	**17.6**	**20.6**	**21.0**	**25.7**	**9.8**	**12.2**	**18.4**	**15.8**
Kesatuan Eropah (EU)	**16.1**	**15.7**	**14.6**	**15.0**	**15.5**	**12.6**	**12.4**	**11.9**	**11.5**	**11.2**	**28.9**	**18.4**	**5.3**	**2.6**	**-4.0**
Negara ASEAN terpilih [1]	**31.9**	**32.0**	**32.6**	**33.8**	**34.8**	**24.8**	**25.3**	**26.6**	**25.8**	**25.3**	**32.2**	**18.2**	**20.9**	**16.9**	**9.3**
Negara Timur Laut Asia	**24.1**	**24.3**	**23.5**	**24.1**	**24.6**	**18.8**	**19.2**	**19.2**	**18.4**	**17.8**	**22.8**	**11.5**	**7.3**	**4.2**	**2.2**
Republik Rakyat China	*8.6*	*8.3*	*8.0*	*8.3*	*8.5*	*6.7*	*6.6*	*6.5*	*6.3*	*6.2*	*28.3*	*8.9*	*10.8*	*2.4*	*-0.8*
Hong Kong China	*7.4*	*7.3*	*7.1*	*7.9*	*8.4*	*5.8*	*5.8*	*5.8*	*6.1*	*6.1*	*7.1*	*6.4*	*9.7*	*5.2*	*13.8*
China Taipei	*4.2*	*4.1*	*3.1*	*3.8*	*3.9*	*3.3*	*3.2*	*2.5*	*2.9*	*2.9*	*14.9*	*7.4*	*-14.4*	*-1.4*	*-6.7*
Korea	*3.9*	*4.6*	*5.4*	*4.1*	*3.7*	*3.0*	*3.6*	*4.4*	*3.2*	*2.7*	*66.0*	*32.0*	*14.9*	*11.8*	*-3.7*
India	**2.8**	**3.2**	**3.7**	**3.3**	**3.9**	**2.2**	**2.5**	**3.0**	**2.5**	**2.8**	**24.3**	**17.4**	**37.0**	**19.0**	**36.4**
Jumlah eksport	**128.2**	**126.7**	**122.6**	**130.7**	**137.9**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**27.5**	**16.1**	**13.7**	**10.8**	**7.5**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

aksesori alat kelengkapan pengangkutan yang lebih tinggi. Pertumbuhan kukuh bagi import bahan api dan pelincir mencerminkan harga minyak yang tinggi.

Pertumbuhan import



Berikutan pertumbuhan 16.3% pada suku kedua, import **barangan modal** meningkat 17.6%. Import barangan modal tidak termasuk barangan lumpy, mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 17.4%. Sejumlah besar daripada import barangan modal disalurkan kepada sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak dan gas untuk pengembangan kapasiti dan penambahbaikan. Dalam sektor perkilangan, import jentera untuk industri elektronik dan elektrik serta besi dan keluli meningkat pada suku ini. Import barangan modal yang lebih tinggi oleh industri penerbangan dan perkapalan serta sektor marin, penjanaan kuasa, dan minyak dan gas mencerminkan pengembangan kapasiti oleh sektor-sektor itu. Import alat kelengkapan pejabat juga meningkat. Pengembangan dalam rangkaian infrastruktur dan teknologi baru oleh syarikat telekomunikasi menyebabkan pertumbuhan dalam import alat kelengkapan telekomunikasi. Sejajar dengan perbelanjaan penggunaan swasta yang berterusan, import **barangan penggunaan** terus menjadi kukuh kepada 5.3%. Import barangan penggunaan disokong terutamanya oleh peningkatan import makanan dan minuman, serta barangan pengguna tidak tahan lama seperti ubat, sabun dan barangan kosmetik.

Malaysia: Import mengikut Penggunaan Akhir dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**38.4**	**37.2**	**0.7**	**16.3**	**17.6**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	27.6	30.4	7.3	8.8	19.4
Alat kelengkapan pengangkutan	292.6	90.8	-43.0	147.1	3.7
BARANGAN PENGANTARA	**25.5**	**13.5**	**10.6**	**5.9**	**6.2**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	58.7	25.1	-7.9	-12.6	-6.7
Bekalan perindustrian, t.s.t.l	53.6	29.2	16.0	7.5	1.9
Bahan api dan pelincir	76.4	68.4	95.7	41.6	24.5
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	8.3	-0.3	0.1	-0.5	5.0
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	36.0	38.9	40.9	56.3	39.5
BARANGAN PENGGUNAAN	**38.8**	**16.4**	**10.7**	**4.3**	**5.3**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	55.2	18.9	9.5	2.7	5.9
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	50.6	-34.4	-16.2	-20.4	2.0
Barangan pengguna, t.s.t.l.	29.9	16.7	12.2	5.9	5.1
Barangan tahan lama	*35.9*	*18.5*	*11.3*	*19.9*	*6.2*
Barangan separa tahan lama	*23.7*	*8.2*	*3.4*	*-3.2*	*-2.8*
Barangan tidak tahan lama	*32.4*	*22.4*	*19.2*	*6.0*	*10.8*
BARANGAN DUA GUNA	**54.3**	**43.5**	**17.0**	**38.3**	**18.9**
LAIN-LAIN	**26.1**	**4.7**	**-6.0**	**1.5**	**2.5**
IMPORT TERTANGGUH	**28.5**	**17.3**	**9.0**	**7.9**	**7.9**
EKSPORT SEMULA	**134.5**	**77.6**	**35.3**	**9.3**	**10.3**
IMPORT KASAR	**31.1**	**19.1**	**10.1**	**8.0**	**8.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ketibaan pelancong kekal tinggi

Ketibaan pelancong meningkat pada kadar tahunan 5.9% kepada 4 juta orang pada suku ketiga 2005. Sementara bahagian ketibaan pelancong yang besar (74.3%) disumbangkan oleh pelancong dari Singapura, Thailand dan Indonesia, namun kempen promosi pemasaran yang agresif yang

Ketibaan Pelancong Suku Tahunan



Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia

disasarkan kepada perjalanan musim panas telah membawa kepada peningkatan 24.3% dalam ketibaan pelancong dari Asia Barat. Ketibaan pelancong dari Asia Selatan serta pelancong jarak jauh dari Amerika Syarikat dan United Kingdom juga bertambah didorong oleh kempen promosi yang menarik di samping pertambahan dalam jalinan perhubungan udara.

Aliran masuk bersih FDI

Pada asas tunai, aliran masuk kasar dan aliran keluar kasar **pelaburan langsung asing** (FDI) masing-masing meningkat kepada RM20.9 bilion dan RM20 bilion (S2 2005: masing-masing RM8.8 bilion dan RM6.3 bilion). Ini mencerminkan terutamanya urus niaga pinjaman jangka pendek antara syarikat yang lebih besar, khususnya oleh syarikat minyak dan gas milik bukan pemastautin berikutan operasi perbendaharaan berpusat mereka di Malaysia. Setelah membuat pelarasan aliran keluar yang disebabkan terutamanya oleh urus niaga jangka pendek tersebut, FDI mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM0.9 bilion (S2 2005: RM2.4 bilion). FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan peralatan yang diimport. Yang penting, aliran masuk modal ekuiti turut meningkat pada suku ketiga 2005. FDI disalurkan terutamanya kepada aktiviti hiliran dan huluan dalam sektor minyak dan gas, serta kepada sektor perkhidmatan dan perkilangan. Aliran masuk FDI ke sektor perkhidmatan adalah menyeluruh, disalurkan terutamanya kepada subsektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan serta restoran, hotel dan perdagangan borong dan runcit.

Pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar kasar yang ketara lebih rendah, iaitu sebanyak RM5.4 bilion (S2 2005: -RM21.4 bilion) disebabkan penurunan yang besar dalam pemberian pinjaman jangka pendek oleh syarikat milik bukan pemastautin berikutan operasi berkaitan perbendaharaan berpusat. Pelaburan luar negeri pada suku ketiga 2005 diterajui oleh syarikat sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian. Setelah mengambil kira pelarasan kepada aliran masuk yang disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat dari luar negeri, pelaburan ke luar negeri mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM1.3 bilion (S2 2005: -RM3.1 bilion).

Pada suku ketiga 2005, **pelaburan portfolio** mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM0.2 bilion (S2 2005: +RM3.8 bilion). Aliran masuk bersih pelaburan portfolio

yang lebih besar pada bulan Julai disebabkan sebahagiannya oleh kenaikan dalam aliran masuk kasar berikutan reaksi awal para pelabur terhadap pengumuman Bank Negara Malaysia berhubung dengan penerimapakaian apungan terurus bagi kadar pertukaran ringgit pada 21 Julai 2005. Seterusnya, aliran dana portfolio kembali normal dalam suasana proses penemuan harga yang teratur.

Hutang luar negeri meningkat sedikit

Jumlah hutang luar negeri Malaysia meningkat sedikit kepada RM200.5 bilion atau USD52.7 bilion pada akhir bulan September 2005 (S2 2005: RM197.5 bilion atau USD52 bilion), bersamaan dengan 43.3% daripada KNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** adalah lebih rendah pada RM151.4 bilion (S2 2005: RM154.3 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih hutang luar negeri oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK). Pembayaran balik hutang luar negeri yang ketara lebih tinggi oleh PABK disebabkan terutamanya oleh bon dalam sebutan dolar AS yang telah matang dan prabayaran pinjaman yang besar. Sejumlah besar daripada pembayaran balik adalah oleh syarikat dalam sektor minyak dan gas, pertanian dan telekomunikasi. Kerajaan Persekutuan mencatat pembayaran balik bersih yang kecil sebanyak RM0.3 bilion. Sementara itu, sektor swasta mencatat pengambilan pinjaman luar negeri bersih bernilai RM1.8 bilion (S2 2005: -RM2.8 bilion), mencerminkan peningkatan yang sedikit dalam pengambilan pinjaman (RM3.2 bilion; S2 2005: RM2.7 bilion) manakala pembayaran balik merosot dengan ketara (RM1.4 bilion; S2 2005: RM5.5 bilion).

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** meningkat kepada RM49.1 bilion atau USD12.9 bilion (S2 2005: RM43.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam hutang jangka pendek sektor perbankan berikutan aktiviti perlindungan nilai oleh bank kerana urus niaga berkaitan perdagangan. Pada akhir bulan September, hutang jangka pendek mencakupi 24.5% daripada jumlah hutang luar negeri dan merupakan 16.2% daripada rizab antarabangsa bersih.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3 [p]
	RM bilion				
Hutang jangka sederhana & panjang	151.8	156.7	159.3	154.3	151.4
Sektor awam	95.3	96.7	94.6	93.1	90.8
Sektor swasta	56.5	59.9	64.7	61.2	60.6
Hutang jangka pendek [1]	43.3	43.8	40.5	43.1	49.1
Jumlah hutang luar negeri	195.0	200.5	199.8	197.5	200.5
- bersamaan USD bilion	51.3	52.8	52.6	52.0	52.7

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

[p] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM302.7 bilion atau bersamaan USD80.3 bilion pada 30 September 2005. Paras rizab telah mengambil kira kerugian daripada pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan mata wang utama. Rizab antarabangsa berjumlah RM285.2 billion atau bersamaan USD75.7 billion pada 15 November 2005. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.4 bulan import tertangguh dan ialah 5.7 kali hutang luar negeri jangka pendek

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Kedudukan fiskal bertambah baik - defisit fiskal lebih rendah

Pada suku ketiga 2005, pungutan hasil cukai pendapatan adalah lebih daripada mencukupi untuk mengimbangi perbelanjaan subsidi petroleum yang lebih tinggi. Berikutan itu, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal yang rendah sebanyak RM805 juta atau 0.6% daripada KDNK. Prestasi hasil terus kukuh pada suku ketiga 2005, khususnya hasil daripada sumber bukan minyak. Jumlah perbelanjaan meningkat pada kadar tahunan 4.5% disebabkan oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi akibat pembayaran subsidi minyak yang terus meningkat berikutan kenaikan harga minyak antarabangsa. Memandangkan harga minyak meningkat dengan pantas, Kerajaan menaikkan harga runcit keluaran petroleum pada 31 Julai, iaitu kenaikan bagi kali ketiga pada tahun ini.

Dari segi keperluan pembiayaan, keadaan mudah tunai yang lega di pasaran dalam negeri membolehkan dana diperoleh secara keseluruhan daripada sumber dalam negeri. Pada akhir suku ketiga 2005, jumlah

Kewangan Kerajaan Persekutuan [p]

	2004		2005		
	S3	Jan-Sep	S2	S3	Jan-Sep
	RM bilion				
Hasil	24.6	64.1	26.6	26.4	74.1
% pertumbuhan	*5.5*	*10.2*	*21.9*	*7.3*	*15.6*
Perbelanjaan mengurus	19.9	55.8	23.4	23.0	62.3
% pertumbuhan	*11.9*	*5.7*	*18.7*	*15.3*	*11.7*
Akaun semasa	**4.6**	**8.3**	**3.2**	**3.4**	**11.8**
% daripada KDNK	***4.0***	***2.5***	***2.7***	***2.6***	***3.2***
Perbelanjaan pembangunan kasar	6.2	18.4	5.9	4.4	13.1
% pertumbuhan	*-23.0*	*-26.6*	*-18.3*	*-30.2*	*-28.8*
Kutipan balik pinjaman	0.1	0.4	0.1	0.2	0.4
Imbangan keseluruhan	**-1.5**	**-9.7**	**-2.7**	**-0.8**	**-0.9**
% daripada KDNK	***-1.3***	***-2.9***	***-2.3***	***-0.6***	***-0.2***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	**26.2**	**74.2**	**29.3**	**27.3**	**75.4**
% pertumbuhan	*1.0*	*-4.7*	*8.7*	*4.5*	*1.6*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	204.4	204.4	222.6	227.6	227.6
% daripada KDNK	*45.5*	*45.5*	*45.7*	*46.7*	*46.7*
Hutang dalam negeri	169.5	169.5	188.9	194.5	194.5
% daripada KDNK	*37.7*	*37.7*	*38.8*	*39.9*	*39.9*
Hutang luar negeri	34.9	34.9	33.7	33.2	33.2
% daripada KDNK	*7.8*	*7.8*	*6.9*	*6.8*	*6.8*

p Awalan

hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah RM227.6 bilion atau 46.7% daripada KDNK. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan kekal rendah pada 6.8% daripada KDNK dan mencakupi 14.6% daripada jumlah hutang.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Keadaan monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal pada 2.70% pada suku ketiga 2005. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman secara relatif kekal stabil, bergerak dalam julat 2.66-2.73%, dengan purata 2.70% pada suku itu. Kadar purata antara bank bagi tempoh 1 bulan dan 3 bulan meningkat sedikit, mencerminkan jangkaan sebahagian peserta pasaran yang kadar faedah akan meningkat pada masa hadapan.

Kadar Pemberian Pinjaman Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan
(purata bagi bulan)



Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Kadar Faedah

	S3 04	S2 05	S3 05
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)*	2.70	2.70	2.70
Kadar antara bank			
Semalaman	2.69	2.70	2.70
1 bulan	2.79	2.82	2.86
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	5.98	5.98	5.98
Syarikat kewangan	6.90	6.90	6.90
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	6.01	5.90	5.90
Syarikat kewangan	8.76	8.78	8.70
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.70	3.70	3.70
Syarikat kewangan			
3 bulan	3.00	3.00	3.00
12 bulan	3.70	3.70	3.70

* Berkuat kuasa 26 April 2004, Kadar Dasar Semalaman (OPR) menggantikan kadar campur tangan 3 bulan sebagai penunjuk teras dasar monetari.

Operasi Mudah Tunai BNM
(Pada suku tahun, RM juta)



Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing kekal tidak berubah pada 5.98% dan 6.90%. Sementara itu, kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan kekal tidak berubah pada 5.90%, manakala ALR syarikat

kewangan menurun kepada 8.70% (Jun: 8.78%). Penurunan kadar ALR syarikat kewangan ini sebahagiannya mencerminkan kadar pinjaman yang lebih rendah yang dikenakan atas pinjaman baru oleh institusi itu.

Aktiviti pembiayaan kekal teguh

Pada suku ketiga 2005, pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal lebih tinggi pada RM143.3 bilion (S2 2005: RM138.1 bilion) dan meningkat pada kadar tahunan 7.3% (S2 2005: 8.4%). Peningkatan itu mencerminkan terutamanya pengeluaran pinjaman oleh sistem perbankan yang lebih tinggi dan sebahagian kecil oleh pertambahan jumlah terbitan sekuriti hutang swasta (PDS). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.2% pada akhir S3 2005 (akhir S2 2005: 8.8%).

Secara keseluruhan, kebanyakan penunjuk pinjaman utama adalah lebih tinggi pada asas tahunan dan berbanding dengan suku sebelumnya.

Pembiayaan Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2004	S3 04	S2 05	S3 05	2004	S2 05	S3 05
Jumlah pembiayaan kasar	520.3	133.6	138.1	143.3	5.7	8.4	7.3
Pengeluaran pinjaman *	488.2	122.6	129.6	135.0	10.6	8.1	10.1
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	25.6	9.3	6.1	7.7	-40.2	-5.9	-17.2
Ekuiti	6.5	1.7	2.4	0.6	-16.7	149.2	-62.8
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	53.1	14.5	15.0	18.6	8.6	8.8	9.2
Sistem perbankan	39.0	11.0	10.2	14.4	7.7	7.6	8.1
Pinjaman terkumpul (A)	40.1	9.3	11.0	14.4	8.5	8.3	9.2
Pegangan PDS	-1.1	1.7	-0.8	0.0	-3.1	-2.9	-7.6
PDS terkumpul (B)	13.0	5.2	4.0	4.2	9.0	10.5	9.4
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	36.3	12.7	7.8	9.7	-28.7	4.3	-23.5

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pinjaman mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2004	S3 04	S2 05	S3 05		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan	335.3	83.4	87.8	91.3	67.7	41.3
Syarikat besar	*234.9*	*58.7*	*60.7*	*62.9*	*46.6*	*24.1*
PKS	*100.4*	*24.8*	*27.1*	*28.4*	*21.0*	*17.2*
Isi rumah	130.3	34.0	35.7	38.0	28.1	53.2
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.7	3.5	3.1	4.0	2.9	2.1
Perlombongan dan kuari	2.0	0.4	0.3	0.4	0.3	0.1
Perkilangan	121.5	31.2	32.2	32.1	23.8	11.3
Sektor harta benda yang luas	88.8	22.9	22.4	24.1	17.9	40.8
Pembinaan	*30.3*	*7.6*	*7.4*	*8.0*	*5.9*	*5.5*
Pembelian rumah kediaman	*38.8*	*10.4*	*9.4*	*10.1*	*7.5*	*26.5*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	*12.1*	*3.2*	*3.6*	*3.6*	*2.7*	*6.2*
Harta tanah	*7.5*	*1.8*	*2.1*	*2.4*	*1.8*	*2.6*
Bekalan elektrik, gas dan air	6.4	1.2	2.2	1.6	1.2	0.9
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	83.7	21.5	24.2	25.6	19.0	8.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	9.5	1.7	2.2	3.3	2.5	2.1
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	36.5	8.5	7.4	7.4	5.5	5.5
Jumlah	**488.2**	**122.6**	**129.6**	**135.0**	**100.0**	**100.0**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2004	S3 04	S2 05	S3 05	2004	S3 04	S2 05	S3 05
Jumlah								
Permohonan pinjaman	273.3	76.5	80.7	84.0	20.1	21.9	14.6	9.8
Kelulusan pinjaman	173.6	46.6	47.3	55.6	13.6	16.1	1.6	19.2
Pengeluaran pinjaman	488.2	122.6	129.6	135.0	10.6	5.8	8.1	10.1
Bayaran balik pinjaman	461.6	118.2	120.6	121.6	7.3	7.5	9.3	2.9
Perubahan pinjaman terkumpul *	40.1	9.3	11.0	14.4	8.5	6.2	8.3	9.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	149.9	44.0	42.4	43.1	20.0	29.4	11.7	-2.0
Kelulusan pinjaman	84.9	22.4	21.7	27.7	9.8	10.1	-8.0	23.7
Pengeluaran pinjaman	335.3	83.4	87.8	91.3	10.5	5.0	6.0	9.5
Bayaran balik pinjaman	319.8	83.7	84.7	84.7	6.8	8.7	11.5	1.2
Perubahan pinjaman terkumpul *	5.5	-0.4	2.6	4.9	2.6	-0.2	1.4	3.9
PKS								
Permohonan pinjaman	54.2	15.2	16.4	17.3	21.7	25.4	12.9	13.9
Kelulusan pinjaman	31.6	8.8	9.0	11.0	22.0	33.5	7.2	25.8
Pengeluaran pinjaman	100.4	24.8	27.1	28.4	15.3	12.8	9.2	14.7
Perubahan pinjaman terkumpul *	6.3	2.2	2.0	3.0	7.7	8.1	9.1	9.8
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	95.7	28.8	26.0	25.8	19.1	31.6	10.9	-10.4
Kelulusan pinjaman	53.3	13.7	12.7	16.7	3.7	-1.0	-16.4	22.4
Pengeluaran pinjaman	234.9	58.7	60.7	62.9	8.6	2.1	4.7	7.3
Perubahan pinjaman terkumpul *	-0.8	-2.6	0.6	1.8	-0.6	-4.9	-3.3	0.0
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	120.2	31.5	37.2	38.9	22.1	12.3	15.3	23.6
Kelulusan pinjaman	86.8	23.4	25.3	26.5	20.5	21.8	11.2	13.2
Pengeluaran pinjaman	130.3	34.0	35.7	38.0	13.9	11.2	13.4	11.6
Bayaran balik pinjaman	107.0	26.7	28.1	29.1	13.7	12.3	9.8	8.8
Perubahan pinjaman terkumpul *	33.3	10.4	9.2	11.3	14.4	14.2	15.2	14.9

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada suku ketiga, pinjaman kepada sektor perniagaan bertambah kukuh. Kelulusan dan pengeluaran kepada sektor tersebut masing-masing meningkat pada kadar tahunan 23.7% dan 9.5%. Pada asas tahunan dan berbanding dengan suku sebelumnya, kenaikan dalam pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan adalah ketara khususnya dalam sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel; dan pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Sejumlah besar daripada pinjaman kepada sektor perniagaan terus disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan (35.2% daripada jumlah pengeluaran kepada perniagaan); perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (28%); pembinaan (8.7%); dan perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (8.1%). Permohonan pinjaman turut meningkat berbanding dengan suku sebelumnya, tetapi merosot pada asas tahunan. Ini disebabkan oleh kesan asas yang tinggi berikutan kenaikan ketara dalam jumlah permohonan daripada syarikat besar pada S3 2004.

Dari segi pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing meningkat pada kadar tahunan 13.9% dan 25.8%. Sejumlah RM11 bilion diluluskan kepada 24,715 akaun PKS pada suku ketiga (S2 2005: RM9 bilion diluluskan kepada 21,421 akaun PKS). Pengeluaran pinjaman kepada PKS juga lebih tinggi pada suku yang sama.

Dengan pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 9.8% di samping peningkatan pinjaman terkumpul kepada syarikat besar, pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan secara keseluruhan meningkat pada kadar tahunan yang lebih kukuh, iaitu 3.9% pada akhir September. Sementara itu, nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) kasar bagi pinjaman sektor perniagaan terus menurun (11.5% pada akhir S3 2005; 12.3% pada akhir S2 2005).

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Pinjaman dalam sektor isi rumah terus berdaya tahan. Permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing meningkat pada kadar tahunan 23.6% dan 13.2%. Pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah yang meningkat pada kadar tahunan 11.6% didorong terutamanya oleh perbelanjaan kad kredit (29% daripada jumlah pengeluaran kepada isi rumah), pembelian kereta penumpang (28.3%) dan pembelian harta kediaman (26.7%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul sektor isi rumah kekal stabil pada 14.9% pada akhir S3 2005 (akhir S2 2005: 15.2%). Selain itu, nisbah NPL kasar bagi pinjaman sektor isi rumah kekal stabil pada 7.4%.

Agregat monetari terus berkembang pada kadar tahunan yang mapan

Wang secara kecil, M1, meningkat pada kadar tahunan 9.9% pada akhir S3 2005 (S2 2005: 11%), sementara wang secara luas, M3, berkembang pada kadar tahunan 10.9% pada akhir S3 2005 (S2 2005: 12.8%). Pendorong utama bagi pengembangan wang secara luas pada suku itu ialah pinjaman yang lebih tinggi diberikan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta, sejajar dengan aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih pesat. Walau bagaimanapun, tuntutan bersih terhadap Kerajaan menyebabkan M3 menguncup setelah Kerajaan menyimpan

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Penentu M3

	Perubahan pada tempoh			
	Tahunan	Suku Tahunan		
	2004	S3 04	S2 05	S3 05
	RM bilion			
M3	68.0	13.6	8.3	4.3
Tuntutan bersih atas Kerajaan	-15.9	-2.7	-4.7	-4.3
Tuntutan atas sektor swasta	30.3	10.3	7.3	14.7
Operasi luar bersih *	82.0	12.0	12.9	-1.5
Pengaruh lain	-28.3	-6.1	-7.2	-4.5

* Sebelum penilaian semula

perolehan daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dengan Bank Negara Malaysia. Di samping itu, operasi luar negeri bersih juga telah menyebabkan M3 menguncup sedikit disebabkan aset luaran bersih sistem perbankan yang lebih rendah.

Dana yang lebih tinggi diperoleh daripada pasaran modal

Pasaran modal terus memainkan peranan yang penting untuk pembiayaan ekonomi pada suku ketiga tahun 2005 dengan menggembleng dana bersih sebanyak RM10.9 bilion (S2 2005: RM7.6 bilion), yang disumbangkan terutamanya oleh jumlah dana yang lebih tinggi yang diperoleh daripada pasaran bon.

Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (PDS), pembiayaan kasar meningkat 24.3% pada asas suku tahunan kepada RM9.7 bilion (S2 2005: RM7.8 bilion). Peningkatan jumlah dana yang diperoleh disokong oleh kadar hasil semasa yang rendah untuk bon-bon jangka sederhana dan panjang. Sekuriti hutang swasta baru telah diterbitkan oleh 21 syarikat korporat terutamanya daripada sektor pembinaan, kewangan, harta tanah, dan perkhidmatan perniagaan. Daripada jumlah dana yang diterbitkan, sejumlah besar (57.8% daripada jumlah keseluruhan) digunakan untuk membiayai aktiviti ekonomi baru, sementara dana yang diperoleh untuk membiayai semula hutang sedia ada mencakupi sebanyak 17.2% daripada jumlah keseluruhan. Pada suku itu, Cagamas MBS Berhad menerbitkan siri kedua sekuriti yang bersandarkan gadai janji kediaman, merangkumi sebanyak 22% daripada jumlah terbitan pada suku itu. Setelah mengambil kira penebusan, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS adalah lebih tinggi sebanyak RM4.1 bilion (S2 2005: RM3.7 bilion).

Sebaliknya, dana yang lebih rendah diperoleh daripada pasaran ekuiti, berjumlah RM621.8 juta (S2 2005: RM2.4 bilion), walaupun lebih banyak syarikat bersaiz kecil memperoleh pembiayaan melalui pasaran ekuiti. Tawaran awam awal (IPO) yang ditawarkan pada suku itu lebih rendah nilainya walaupun lebih banyak bilangan IPO yang diterbitkan pada tempoh tersebut berbanding dengan suku sebelumnya (S3 2005: 25 IPO; S2 2005: 14 IPO). Sebanyak 16 IPO disenaraikan dalam pasaran MESDAQ, lima di Papan Kedua dan empat di Papan Utama.

Kerajaan menerbitkan empat terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dengan perolehan dana kasar sebanyak RM8.2 bilion pada suku itu. Yang penting ialah terbitan sulung MGS 20 tahun yang berjumlah RM1 bilion pada 15 Julai sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memanjangkan keluk kadar hasil tanda aras. Dari segi jumlah bersih, sektor swasta memperoleh RM6.2 bilion (S2 2005: RM1.4 bilion).

Terbitan PDS mengikut Tujuan
(% daripada jumlah)



Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM juta				
Oleh Sektor Awam					
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	10,389	7,021	4,000	9,543	8,233
Tolak Penebusan	2,000	1,000	-	8,500	2,450
Tolak Milik Kerajaan	-	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	8,389	6,021	4,000	1,043	5,783
Bon Khazanah, *bersih*	(198)	-	833	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	740	1,243	2,000	-	-
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	495	436	357	378	383
Dana Bersih yang Diperoleh	9,426	7,700	7,190	1,421	6,166
Oleh Sektor Swasta					
Saham	1,663	2,316	2,009	2,412	622
Sekuriti Hutang	12,718	10,083	5,486	7,823	9,726
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	9,268	9,483	5,286	6,843	9,726
Cagamas	3,450	600	200	980	-
Tolak Penebusan	6,865	4,463	4,212	4,078	5,627
Terbitan bersih	5,853	5,620	1,274	3,745	4,099
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	2,403	5,494	2,634	3,380	6,359
Dana bersih yang Diperoleh	7,516	7,936	3,282	6,158	4,721
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	16,942	15,636	10,473	7,579	10,887
Kertas dan Nota jangka pendek, bersih[1]	(623)	(1,103)	587	82	570
Jumlah	16,319	14,533	11,059	7,661	11,457

[1] Merujuk kepada Kertas Perdagangan dan Nota Cagamas sahaja.

Prestasi KLCI bertambah baik pada suku ketiga

Pada awal suku ketiga 2005, minat pembelian beberapa saham yang berkaitan indeks terjejas oleh kebimbangan yang berterusan mengenai harga minyak sedunia yang tinggi dan peningkatan kadar inflasi dalam negeri. Walau bagaimanapun, prestasi pasaran bertukar positif pada bulan September dengan jangkaan positif daripada Bajet 2006. Pada suku ketiga, prestasi KLCI meningkat sebanyak 39.22 mata (2Q 2005:+16.97 mata), mengakhiri suku itu dengan lebih tinggi pada 927.54 (S2 2005: 888.32). Permodalan pasaran mencatat paras yang lebih tinggi pada RM715 bilion (S2 2005:

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Suku Ketiga 2005
(31 Disember 2004 - 30 September 2005)



Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2004				2005					
	S3		S4		S1		S2		S3	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga antaranya:	22,031	42,852	27,364	51,771	30,042	56,261	25,824	40,423	27,931	45,374
Papan Utama *antaranya*	15,494	36,763	20,186	45,129	21,236	48,384	18,253	35,778	20,538	40,892
- Produk Pengguna	1,154	3,149	899	2,924	1,018	3,117	872	2,072	1,156	3,146
- Produk Perusahaan	2,031	2,719	4,036	4,978	4,829	5,767	2,996	3,076	2,692	3,281
- Pembinaan	1,096	1,706	1,070	1,922	1,579	3,114	810	1,287	1,057	1,648
- Perdagangan/Perkhidmatan	4,296	13,729	5,500	16,991	4,320	15,710	4,055	14,160	4,312	16,954
- Kewangan	2,008	7,838	1,958	8,090	3,059	10,495	2,173	8,253	2,614	9,199
- Harta benda	2,230	3,560	3,205	5,468	3,367	5,602	3,767	3,069	2,123	1,665
- Perladangan	383	2,127	771	2,171	604	2,168	453	1,951	547	2,266
- Perlombongan	0	4	-	1	0	1	0	7	0	1
Papan Kedua	4,014	4,130	4,227	4,102	5,537	5,586	4,194	2,960	3,722	2,568

Sumber Bursa Malaysia

RM688.6 bilion). Di samping itu, aktiviti dagangan meningkat kerana urus niaga harian purata mencatat peningkatan sebanyak 423 juta unit pada suku ketiga (S2 2005: 417 juta unit).

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2004		2005		
	S3	S4	S1	S2	S3
Indeks Harga					
- Komposit	849.96	907.43	871.35	888.32	927.54
- EMAS	202.35	214.26	204.98	203.73	211.02
- Papan Kedua	108.95	110.87	101.76	87.79	87.48
Urus niaga harian purata					
- Jumlah (juta unit)	338.93	441.36	517.97	416.52	423.20
- Nilai (RM juta)	681.55	835.02	965.78	651.99	687.48
Permodalan Pasaran (RM b)	672.64	722.04	694.89	688.63	715.36
Bilangan Syarikat yang Disenaraikan	945	962	982	990	1,007

Sumber: Bursa Malaysia

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon lebih rendah

Aktiviti urus niaga dalam pasaran sekunder menurun sedikit kepada RM92.2 bilion pada suku ketiga 2005 (S2 2005: RM94.5 bilion). MGS menyumbang sebanyak 53.4% daripada jumlah keseluruhan aktiviti urus niaga, manakala Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) mencakupi sebanyak 12.6% dari jumlah keseluruhan urus niaga. Dari segi mudah tunai, bon GII dan Khazanah merupakan kertas paling cair, masing-masing mencatat nisbah mudah tunai sebanyak 1.05 dan 0.73.

Keluk kadar hasil tanda aras MGS menjadi lebih landai pada suku ketiga 2005.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Kadar hasil MGS 3 tahun meningkat sebanyak 9 mata asas manakala kadar hasil 10 tahun MGS menurun sebanyak 30 mata asas. Keluk kadar hasil tanda aras jangka pendek dipengaruhi oleh kebimbangan mengenai peningkatan inflasi dan penurunan minat pelabur asing. Sebaliknya, walaupun terbitan bon adalah lebih tinggi pada suku ketiga tahun 2005, permintaan daripada pelabur institusi domestik yang berterusan tinggi menyebabkan keluk kadar hasil tanda aras jangka panjang menurun. Di samping itu, penurunan kadar hasil jangka panjang juga disebabkan oleh kebimbangan mengenai kesan harga minyak mentah yang tinggi terhadap pertumbuhan ekonomi global.

Arah Aliran Kadar Hasil MGS



Prestasi ringgit

Pada 21 Julai, tambatan ringgit pada dolar AS digantikan dengan sistem apungan terurus. Mata wang ringgit sekarang dipantau berbanding dengan sekumpulan mata wang wajaran dagangan. Tujuan utama anjakan dasar ini adalah untuk memastikan negara berada pada kedudukan yang lebih baik untuk respons dan memperoleh manfaat daripada perubahan struktural yang berlaku di rantau ini dan di peringkat antarabangsa.

Sebelum tambatan ringgit dibebaskan, mata wang ringgit bergerak mengikut dolar AS, dengan ringgit menambah nilai masing-masing sebanyak 11.9%, 10.4% dan 9.7% berbanding dengan euro, paun sterling dan yen Jepun pada tempoh antara 1 Januari – 21 Julai 2005. Dolar AS menjadi kukuh ekoran prospek pertumbuhan ekonomi AS yang lebih baik berbanding dengan Kawasan Euro dan Jepun, serta jangkaan pasaran bahawa kadar faedah AS akan terus meningkat. Pada tempoh masa yang sama, ringgit turut menambah nilai dalam lingkungan 0.2% - 7.7% berbanding dengan mata wang serantau. Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding peso Filipina (0.6%). Mata wang serantau menyusut nilai ekoran kebimbangan pasaran bahawa harga minyak yang tinggi akan menjejaskan ekonomi serantau.

Dalam tempoh selepas perubahan kepada sistem apungan terurus sehingga akhir suku ketiga (22 Julai-30 September 2005), ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan serantau. Peningkatan peringkat awal pada nilai ringgit berbanding dolar AS berikutan penyelarasan dasar, walau bagaimanapun telah dibatasi oleh tanggapan pasaran bahawa kadar faedah AS akan terus meningkat, justeru akan menyebabkan peningkatan pembezaan kadar hasil yang memihak kepada AS. Euro menyusut nilai ekoran ketidaktentuan berkenaan keputusan pilihan raya di Jerman, sementara yen menyusut nilai disebabkan oleh kebimbangan pasaran mengenai kesan harga minyak yang tinggi ke atas ekonomi Jepun. Mata wang serantau terus terjejas akibat kebimbangan pasaran mengenai kesan harga minyak yang tinggi ke atas kos import

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih
Peratus Pertukaran (1 Julai - 30 September 2005)



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Utama



dan permintaan sedunia untuk eksport serantau, serta jualan bersih ekuiti oleh para pelabur asing di beberapa negara serantau. Rupiah Indonesia menyusut nilai dengan ketara pada separuh kedua bulan Ogos disebabkan oleh permintaan terhadap dolar AS bagi membayar import minyak dan kebimbangan pasaran terhadap kesan harga minyak yang tinggi ke atas subsidi bahan api oleh kerajaan.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Serantau



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh							% perubahan sejak *					
	30 Jun 97	02 Sep 98	S3 04	S4 04	S1 05	S2 05	S3 05	30 Jun 97	02 Sep 98	S3 04	S4 04	S1 05	S2 05
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	3.8000	3.8000	3.7692	-33.0	0.8	0.8	0.8	0.8	0.8
Euro	-	-	4.6826	5.1729	4.9125	4.5948	4.5421	-	-	3.1	13.9	8.2	1.2
Paun sterling	4.1989	6.3708	6.8347	7.3169	7.1415	6.8685	6.6438	-36.8	-4.1	2.9	10.1	7.5	3.4
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.4264	3.7026	3.5446	3.4469	3.3359	-33.8	-16.8	2.7	11.0	6.3	3.3
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.2475	2.3258	2.3034	2.2576	2.2315	-20.9	-1.4	0.7	4.2	3.2	1.2
100 baht Thai	9.7470	9.3713	9.1644	9.7636	9.7013	9.2032	9.1988	6.0	1.9	-0.4	6.1	5.5	0.0
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.7517	6.7706	6.9381	6.7628	6.7262	42.5	31.3	0.4	0.7	3.2	0.5
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0414	0.0408	0.0401	0.0391	0.0366	183.4	-3.3	13.2	11.5	9.4	6.8
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3295	0.3671	0.3734	0.3699	0.3619	-21.5	-21.9	-9.0	1.4	3.2	2.2
Renminbi China	0.3045	0.4594	0.4591	0.4591	0.4591	0.4591	0.4669	-34.8	-1.6	-1.7	-1.7	-1.7	-1.7

* (+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PERBANKAN

Kedudukan kewangan sistem perbankan kekal kukuh pada suku ketiga tahun 2005. Kedudukan modal yang tinggi, di samping prestasi kewangan yang memberangsangkan dan kualiti aset yang semakin baik membolehkan sistem perbankan terus menyokong pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan aktiviti pemberian pinjaman.

Kedudukan modal yang kukuh

Kedudukan modal sistem perbankan kekal tinggi dalam suku ketiga. Pada akhir September 2005, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) masing-masing berada pada tahap 13.3% dan 10.6%. Penurunan dalam tahap RWCR dan CCR adalah disebabkan oleh pertumbuhan aset wajaran risiko (+2.8%) yang lebih tinggi, didorong terutamanya oleh caj ke atas risiko pasaran, dan aktiviti pemberian pinjaman yang lebih tinggi oleh sistem perbankan.

Kedudukan Modal Kekal Kukuh

	2004				2005		
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3
Modal							
CCR (%)	11.0	11.7	11.4	11.3	10.9	10.8	10.6
RWCR (%)	13.7	14.3	13.9	14.3	13.8	13.6	13.3

Keuntungan kekal menggalakkan

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM9.1 bilion bagi tempoh berakhir 30 September 2005, 2.1% lebih tinggi berbanding suku yang sama pada tahun 2004. Ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada aktiviti berasaskan faedah dan fi, dan aktiviti dagangan dan pelaburan. Pulangan tahunan ke atas purata aset dan ekuiti sistem perbankan masing-masing adalah sebanyak 1.3% dan 16.3%.

Kualiti aset terus bertambah baik

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



Kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik, dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan dan 3 bulan masing-masing menurun kepada RM25.5 bilion (-2.1%) dan RM32 bilion (-6.9%). Penurunan tersebut didorong oleh kutipan balik yang lebih tinggi dan pengelasan semula NPL kepada pinjaman berbayar. Dengan penurunan ini, nisbah NPL bersih menurun kepada 4.8% berdasarkan klasifikasi 6 bulan (S2 2005: 5.1%), dan 6.1% berdasarkan klasifikasi 3 bulan (S2 2005: 6.7%).

Sesi Dialog Awam-Swasta
Persidangan Pengarah Penyeliaan SEACEN ke-7 bagi Ekonomi Asia Pasifik
4 Ogos 2005, Kuala Lumpur

"Cabaran Merentas Sempadan dalam Pelaksanaan Basel II dalam Ekonomi yang Sedang Berkembang"

Ucap Utama oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Terima kasih atas undangan untuk berucap pada Persidangan Pengarah Penyeliaan SEACEN ke-7 bagi Ekonomi Asia Pasifik yang dianjurkan oleh Pusat SEACEN dengan kerjasama Majlis Penasihat Perniagaan APEC, Persatuan Ahli-ahli Bank Asia dan Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik. Persidangan ini khususnya penting kerana ia mempertemukan para pengawal selia dan pengamal daripada industri perbankan untuk bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman tentang isu operasi dan dasar dalam perbankan merentas sempadan, khususnya, dari segi pelaksanaan Basel II. Saya percaya penyertaan para pengawal selia dan peserta industri dari Amerika Latin akan menyuburkan lagi perbincangan. Sememangnya isu ini merupakan kepentingan kita bersama untuk menyelesaikannya secara cepat dan cekap, memandangkan tarikh pelaksanaan untuk negara-negara G10 pada tahun 2007 adalah semakin hampir.

Dalam kebanyakan pasaran yang sedang berkembang, sektor perbankan merupakan komponen utama sistem kewangan yang memacu ekonomi. Di Malaysia, meskipun pasaran modal domestik menjadi semakin penting, sektor perbankan terus menjadi sumber pembiayaan yang utama dalam sistem kewangan kami kerana sektor ini berkembang dengan menawarkan penyelesaian kewangan yang lebih inovatif untuk memenuhi kehendak pelanggan dan pelabur yang lebih canggih. Keadaan semula jadi operasi mereka yang semakin kompleks telah memberikan impak terhadap profil risiko mereka sejak beberapa tahun. Persekitaran kewangan dalam negeri juga menjadi semakin kompetitif, berikutan proses liberalisasi dan nyahkawalseliaan yang bertambah pesat. Institusi perbankan domestik kini turut meneroka merentas sempadan negara. Oleh itu, tumpuan penyeliaan semakin dijuruskan ke arah memastikan rangka kerja pengurusan risiko yang lebih kukuh diwujudkan bagi menyokong pengembangan perniagaan dan strategi pertumbuhan sedemikian.

Berlatarbelakangkan keadaan ini, seruan untuk penambahbaikan pengurusan risiko melalui penerimaan pakai Basel II dan perbincangan mengenai keberkesanan pengaturan penyeliaan terhadap aktiviti

perbankan dan kewangan merentas sempadan adalah paling relevan. Kes BCCI pada awal tahun 90-an dan Baring pada pertengahan tahun 90-an juga telah memaparkan jurang dalam aktiviti pengawasan penyeliaan dan menekankan keperluan untuk kerjasama yang lebih luas antara penyelia di negara asal dengan penyelia tuan rumah. Di samping itu, pengaturan untuk aktiviti merentas sempadan yang melibatkan sama ada rangkaian cawangan antarabangsa atau operasi subsidiari merupakan tajuk yang sering kali menjadi pokok perbincangan dalam kelompok penyelia, terutama berkaitan implikasinya terhadap kerjasama penyeliaan. Meskipun kemungkinan terdapat perbezaan dalam pengaturan operasi dan jenis aktiviti yang dijalankan oleh peserta global dalam pasaran yang sedang berkembang di Asia dan Amerika Latin, pentingnya kehadiran mereka dalam sistem kewangan dalam kedua-dua rantau itu membuatkan sesi dialog ini paling relevan dan tepat pada masanya. Di Malaysia, bank asing mencakupi hampir 30% daripada jumlah aset industri perbankan. Dalam konteks perbankan merentas sempadan, langkah memperbadankan cawangan institusi perbankan milik asing dalam negeri pada tahun 1994 telah menyumbang ke arah memperkukuh pengawasan penyeliaan Bank Negara Malaysia terhadap aktiviti institusi perbankan milik asing di Malaysia. Modal dan sumber yang dikhaskan untuk menyokong operasi subsidiari domestik mencerminkan komitmen institusi perbankan milik asing di dalam negara ini. Selain itu, ia juga telah memudahkan penilaian terhadap kekukuhan kewangan operasi tempatan bank asing. Sementara merit pengaturan operasi yang berbeza merupakan perkara yang sering dibahaskan, terutama dari segi fleksibiliti perniagaan, struktur subsidiari institusi perbankan milik asing di Malaysia memudahkan penerapan peraturan yang konsisten terhadap keseluruhan sistem perbankan oleh Bank Negara Malaysia.

Kepentingan institusi asing yang semakin meningkat, bersama-sama dengan struktur operasi yang berbeza merupakan faktor utama yang mempengaruhi bentuk rangka kerja penyeliaan merentas sempadan yang awal. Ini diperincikan dalam Perjanjian Basel (Basel Concordat), yang menggariskan prinsip bagi penyeliaan bank asing oleh pihak berkuasa negara asal dan tuan rumah, yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Penyelia-Penyelia Perbankan Basel (Basel Committee of Banking Supervisors) pada tahun 1983. Perjanjian itu mengiktiraf peranan penyelia tuan rumah yang lebih besar untuk menyelia bank asing yang beroperasi melalui subsidiari yang diperbadankan dalam negeri. Malahan, sesetengah penyelia negara asal menganggap penyelia tuan rumah seperti "penyelia negara asal perantaraan" bank.

Rangka kerja ini juga menyarankan pergantungan pada tahap yang tinggi oleh penyelia tuan rumah terhadap kerja yang dilaksanakan oleh penyelia di negara asal dalam pengawasan dan pemantauan mereka terhadap kekukuhan cawangan bank asing yang berada dalam bidang kuasa mereka. Prinsip penting ini telah menjadi asas kepada rangka kerja penyeliaan merentas sempadan sekarang dan juga merupakan asas kepada perumusan Prinsip Peringkat Tertinggi bagi Pelaksanaan Persetujuan Baru Merentas

Sempadan (High Level Principles for the Cross-Border Implementation of the New Accord) yang dikeluarkan pada tahun 2003. Prinsip itu bertujuan untuk terus memperkukuh tanggungjawab penyelia di negara asal dalam menjalankan penyeliaan bersepadu terhadap konglomerat kewangan dan pengharapan yang lebih terhadap penyelia tuan rumah dalam penyeliaan setiap operasi subsidiari bank asing di negara mereka.

Persetujuan modal baru merupakan satu lagi perkembangan penting yang akan mencabar kekukuhan rangka kerja dan prinsip perbankan merentas sempadan. Ujian sebenar adalah untuk menterjemah prinsip kepada dasar yang terperinci dan pelan tindakan yang kukuh serta boleh dilaksanakan. Cabaran utama dalam melaksanakan persetujuan baru itu secara seragam ke seluruh dunia sesungguhnya ialah kompleksiti rangka kerja itu sendiri. Sementara tujuan asas rangka kerja itu untuk menggalakkan pengurusan risiko yang kukuh dan amalan-amalan terbaik tidak dipersoalkan, namun negara-negara, terutama negara yang sedang berkembang, berada pada tahap ketersediaan yang berbeza-beza untuk menghadapi perubahan besar dan implikasi yang mungkin berlaku daripada Basel II. Memandangkan peringkat pembangunan dan tahap kecanggihan pasaran berbeza-beza dan Basel II dirangka berdasarkan terutamanya kepada parameter dan pengalaman negara maju, maka pelaksanaan Basel II mungkin tidak bersesuaian jika sebarang pengubahsuaian tidak dibuat untuk lebih mencerminkan situasi dalam pasaran yang sedang berkembang. Paras mudah tunai yang rendah dalam beberapa pasaran dan tahap volatiliti pasaran yang lebih tinggi dalam kebanyakan pasaran yang sedang berkembang mungkin tidak diambil kira secukupnya dalam andaian asas rangka kerja Basel II. Oleh itu, adalah penting untuk menekankan bahawa kekangan sedemikian dan keperluan untuk membuat beberapa pengubahsuaian difahami dengan mendalam dan diakui oleh bank asing yang beroperasi dalam pasaran yang sedang berkembang. Hakikatnya, perbincangan berhubung dengan pelaksanaan Basel II merentas sempadan akan dapat mengelakkan daripada penggunaan penyelesaian "satu acuan untuk semua" serta mengurangkan kemungkinan berlaku implikasi buruk berikutan perbezaan dalam pendekatan yang diambil. Ia juga dapat menghindarkan sebarang pertindihan yang tidak perlu dalam usaha dan pelaburan.

Di kebanyakan ekonomi yang sedang bekembang, Basel II dilihat sebagai satu pemangkin penting dalam mempercepat pengenalan amalan pengurusan risiko terbaik dalam sektor perbankan untuk jangka masa sederhana dan lebih panjang. Sementara amalan terbaik yang telah diterima pakai oleh bank global telah pun melepasi pengharapan Basel II, namun perkara ini tidak berlaku dalam hal kebanyakan institusi domestik. Dalam banyak pasaran yang sedang berkembang yang mempunyai sistem perbankan yang masih amat berpecah, menggalakkan supaya amalan itu diterima pakai oleh seluruh industri sesungguhnya akan merupakan satu cabaran. Oleh itu, usaha sedemikian perlu dilaksanakan dalam agenda program pembangunan sektor kewangan keseluruhan di setiap negara

individu. Dalam konteks inilah Malaysia telah memilih untuk menerima pakai rangka masa yang fleksibel, berdasarkan empat prinsip pelaksanaan yang utama:

- Pertama, bagi langkah-langkah pembinaan kapasiti dilaksanakan;

- Kedua, dalam usaha pembinaan kapasiti itu, penekanan kepada rangka kerja penambahbaikan pengurusan risiko bagi kesemua institusi perbankan;

- Ketiga, untuk memberi penekanan terhadap justifikasi perniagaan dan bukan mandat pengawalseliaan dalam menerima pakai pendekatan yang lebih maju; dan

- Akhirnya, untuk meningkatkan lagi metodologi penyeliaan bagi menilai model dalaman dan sistem pengurusan risiko yang lebih maju.

Proses analitis yang rapi di bawah Basel II akan pasti mencabar bagi institusi perbankan. Tidak kurang cabarannya dari perspektif penyeliaan untuk mewujudkan respons yang sesuai dan rangka kerja penilaian terhadap proses ini. Daripada hanya lebih menumpukan kepada mengesahkan prosedur kuantitatif dan perangkaan yang terperinci, tumpuan penyeliaan perlu memastikan proses analitis dijalankan untuk menyokong pembuatan keputusan, dan bukan semata-mata untuk memenuhi pengharapan pengawalseliaan. Penyelia juga perlu dilatih lebih awal untuk mengenal pasti isu yang relevan apabila membuat penilaian penyeliaan. Ini menegaskan pentingnya untuk mempercepat usaha pembinaan kapasiti penyeliaan, terutamanya pembangunan kemahiran penyeliaan yang khusus untuk melaksanakan pengesahan model. Sementara ekonomi yang sedang berkembang mungkin mempunyai tarikh akhir dan keutamaan yang berbeza, program latihan yang rapi perlu dijalankan serentak untuk memastikan penyelia boleh memahami dan mentafsir sepenuhnya bahan kualitatif, dan pada masa yang sama mereka boleh memahami isu penyeliaan serta perkara-perkara mengenai penyeliaan yang membimbangkan dalam konteks yang lebih luas.

Faedah daripada Basel II tidak dapat direalisasikan sepenuhnya sekiranya negara-negara yang sedang berkembang tidak mempunyai asas yang perlu bagi pelaksanaan yang efektif. Dalam realiti, sesetengah negara membangun dan yang sedang berkembang masih perlu membangunkan infrastruktur undang-undang, perakaunan, pengawalseliaan dan pasaran yang lebih komprehensif dan efisien. Oleh itu, cabaran bagi ekonomi yang sedang berkembang adalah untuk meletakkan keutamaan yang tinggi terhadap pembentukan dan pengukuhan infrastruktur asas. Tanpa kewujudan asas yang betul, ia boleh menjadi halangan kepada pelaksanaan Basel II, selain menyekat pelaksanaan peraturan merentas sempadan yang betul dan pengendalian penyeliaan bersepadu yang efektif.

Di negara-negara yang sedang berkembang di mana infrastruktur yang perlu telah wujud, penyelia-penyelia perlu melihat jauh melangkaui keadaan landskap kewangan semasa, dalam konteks globalisasi perkhidmatan kewangan, dan integrasi dengan

landskap antarabangsa. Berlatarbelakangkan keadaan ini, rangka kerja pengawalseliaan yang sesuai bagi industri perbankan, khususnya pengaturan penyeliaan merentas sempadan pada masa depan, perlu diperjelas. Dalam hal ini, adalah juga penting diakui bahawa cabaran perbankan merentas sempadan dalam konteks bank antarabangsa yang menjadi semakin signifikan, mempunyai implikasi yang jauh lebih luas.

Keberkesanan pengaturan merentas sempadan akan menjadi lebih mudah dicapai apabila terdapat peraturan dan standard pengawalseliaan serta amalan penyeliaan yang lebih konsisten di kalangan penyelia negara asal dan tuan rumah. Oleh itu, persetujuan modal baru bertujuan untuk mempercepat proses pertumpuan berkaitan penerimaan pakai standard antarabangsa bagi kecukupan modal dalam persekitaran global. Walau bagaimanapun, realitinya, pertumpuan sepenuhnya tidak boleh dijangka kerana tahap kecanggihan yang berbeza antara negara maju dengan negara yang sedang berkembang. Pada bila-bila masa, perbezaan dalam peraturan dan standard boleh dijangka wujud. Tugas utama kita adalah untuk mengenal pasti bidang yang pertumpuan itu boleh dipercepat. Terdapat juga kemungkinan wujudnya ruang untuk saling mengiktiraf penilaian penyeliaan yang lebih baik di kalangan para penyelia yang boleh menghindarkan pertindihan usaha dan sumber, yang boleh menyumbang ke arah pengurangan kos pematuhan kepada institusi perbankan.

Sementara kita mempertimbangkan isu-isu yang kompleks berkaitan pelaksanaan Basel II merentas sempadan, penyelia dan institusi perbankan yang beroperasi dalam pasaran yang sedang berkembang juga perlu mengambil kira implikasi Basel II yang lebih luas terhadap ekonomi serta akses kepada pembiayaan bagi subsektor ekonomi tertentu seperti perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Malahan, rangka kerja yang amat sensitif kepada risiko itu mungkin berpotensi memberikan kesan yang buruk atas perilaku bank dalam pemberian pinjaman. Perbincangan perlu diteruskan antara penyelia dengan institusi perbankan mengenai isu penyeliaan yang lebih luas dan keberkesanan rangka kerja pengawalseliaan yang boleh mengurangkan potensi implikasi buruk itu. Basel II hanya satu komponen pengawalan berhemat, dan dengan itu tidak harus dilihat secara berasingan. Dalam konteks ini, kesesuaian peraturan lain seperti rangka kerja peruntukan dan amalan ujian tekanan juga perlu dibincangkan untuk penambahbaikan pada masa depan.

Sementara kita melibatkan diri dalam selok-belok yang rumit dalam pelaksanaan Basel II, kita tidak harus terlepas pandang tentang matlamat akhir untuk mengekalkan kestabilan kewangan. Dialog ini paling penting dalam menyediakan satu forum bagi bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman. Sesungguhnya, hasil perbincangan ini harus dibawa ke peringkat perbincangan dasar yang lebih tinggi untuk mempercepat lagi kemajuan dalam memperincikan isu mengenai pelaksanaan Basel II merentas sempadan.

Akhir sekali, saya berharap anda semua dapat berbincang dengan penuh semangat dan produktif.

Sesi Dialog dengan Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful 2005
9 Ogos 2005, Kuala Lumpur

Ucap Utama oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Dialog tahunan antara Bank Negara Malaysia dengan penanggung insurans dan pengendali takaful diadakan untuk membincangkan isu yang sedang dihadapi oleh industri insurans dan takaful, inisiatif dasar utama oleh Bank Negara Malaysia serta perkembangan ekonomi dan kewangan semasa yang mempengaruhi industri. Dialog pada tahun ini diadakan pada 9 dan 10 Ogos dan dihadiri oleh Pengerusi, Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif penanggung insurans, pengendali takaful dan syarikat induk bank.

Dengan tema "Ke Arah Pasaran yang Lebih Kompetitif", dialog pada tahun ini akan menyediakan forum bagi penanggung insurans dan pengendali takaful untuk membincangkan isu strategik berkaitan cabaran landskap kewangan yang lebih kompetitif dan pesat berubah.

Landskap ekonomi dan kewangan Malaysia terus mengalami transformasi yang dramatik. Dengan meningkatnya momentum proses peralihan ini, isu utama yang dihadapi oleh industri insurans dan takaful kini ialah: merangka strategi pertumbuhan yang berkesan dalam dunia yang semakin tidak bersempadan; mengekalkan keyakinan dalam menghadapi desakan yang meningkat untuk ketelusan yang lebih terbuka; bertindak balas terhadap cabaran perubahan dalam pengawalseliaan dan perakaunan; dan menguruskan risiko dalam persekitaran yang semakin kompleks dan mudah ubah. Cabaran ini telah menghasilkan pelbagai bentuk reformasi, yang melibatkan perubahan dalam model perniagaan, orientasi risiko, amalan kendalian dan urus niaga dengan pelanggan. Proses modenisasi industri insurans dan takaful inilah yang akan membawa kemajuan yang lebih tinggi, memberikan implikasi yang lebih jauh dan meluas terhadap sistem kewangan secara keseluruhan dan ekonomi.

Saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan kedatangan anda ke sesi dialog antara Bank Negara Malaysia dengan industri insurans dan takaful pada tahun ini untuk membincangkan isu-isu ini dengan lebih mendalam dalam konteks pasaran domestik kita, dan mempertimbangkan tindakan wajar yang perlu diambil dalam suasana yang semakin mencabar. Tema dialog pada tahun ini: "Ke Arah Pasaran yang Lebih Kompetitif", akan memberi fokus terhadap cabaran penyahkawalseliaan penentuan harga, ketelusan produk, keefisienan kos kendalian dan penzahiran komisen. Isu berkaitan

amalan kendalian dan saling hubungan dengan pelanggan juga perlu dilihat dari sudut yang lebih luas, iaitu keyakinan orang ramai, ketelusan dan pengurusan risiko.

Dialog pada tahun ini juga bersandarkan format baru yang memberi fokus pada isu yang mempunyai implikasi strategik jangka panjang yang perlu ditangani dalam persekitaran semasa. Dialog ini dirangka untuk menggalakkan perbincangan antara peserta industri dengan Bank Negara Malaysia dari perspektif yang berbeza. Dialog ini juga akan berperanan sebagai platform untuk menilai semula perkembangan ekonomi dan kewangan baru-baru ini dan inisiatif dasar utama oleh Bank Negara Malaysia. Izinkan saya mengambil peluang ini untuk berkongsi sedikit pandangan dengan anda dalam bidang-bidang ini.

Prospek ekonomi Malaysia kekal menggalakkan meskipun terdapat tanda-tanda penyederhanaan pertumbuhan dalam ekonomi global ekoran harga minyak yang lebih tinggi. Malaysia mempunyai rekod pencapaian pertumbuhan yang mantap dan teguh selama beberapa tahun sehingga kini. Struktur ekonomi yang pelbagai dan asas makroekonomi yang kukuh memainkan peranan penting menyokong trend ini. Yang penting ialah pertumbuhan ini didorong oleh sektor swasta. Meskipun tekanan harga dibendung oleh peningkatan dalam produktiviti pekerja dan pengembangan kapasiti, inflasi dalam negeri telah mula meningkat, sebahagian besarnya disebabkan oleh faktor-faktor berkaitan kos. Bagi mengimbangi trend ini, dasar monetari terus menyokong pertumbuhan. Pertumbuhan di Asia juga kekal kukuh dengan terdapatnya kesan saling memperkukuh bagi ekonomi serantau termasuk Malaysia, ekoran integrasi serantau yang semakin padu.

Walau bagaimanapun, persekitaran global diselubungi oleh ketidakpastian dalam keadaan ketidakseimbangan global yang berterusan. Amerika Syarikat terus mengalami defisit besar dalam akaun luar negerinya. Di peringkat komuniti global terdapat perbincangan tentang bagaimana ketidakseimbangan ini boleh diatasi. Namun, pendapat majoriti jelas menghendaki pelarasan dilakukan dengan teratur. Walau bagaimanapun, penjajaran semula kadar pertukaran telah diberi fokus yang berlebihan bagi memudahkan pelarasan ini. Namun, ini mungkin membawa kepada risiko penyahstabilan pelarasan. Akhirnya, ketidakseimbangan struktur perlu diatasi melalui beberapa gabungan pelarasan dalam permintaan, harga dan kadar pertukaran. Khususnya, pengimbangan semula pertumbuhan global dijangka menjadi faktor utama yang menyumbang kepada pelarasan yang teratur terhadap ketidakseimbangan ini. Sememangnya, perkara ini memerlukan lebih daripada hanya pelarasan dalam kadar pertukaran. Jenis dan sejauh mana pelarasan itu adalah penting untuk mencapai penyelesaian jangka panjang.

Dengan tenaga kerja yang terdiri daripada golongan muda, produktiviti yang semakin meningkat serta ekonomi yang kompetitif dan dinamik, terdapat potensi besar untuk ekonomi-ekonomi Asia menyumbang ke arah pengimbangan semula pertumbuhan global. Dengan tahap pendapatan yang

semakin meningkat dalam ekonomi serantau, terutama di kalangan golongan berpendapatan sederhana yang sedang meningkat di Republik Rakyat China, India dan ekonomi ASEAN, wujud potensi peningkatan permintaan dalam rantau ini. Pengimbangan semula pertumbuhan global di pelosok dunia akhirnya akan menyumbang ke arah pengurangan ketidakseimbangan yang wujud. Ketangkasan Malaysia untuk menyerap dan bertindak balas terhadap cabaran luar dan dalam negeri membolehkan kita memindahkan sumber dengan cekap ke sektor pertumbuhan baru, ke sektor baru yang mempunyai faedah berbanding dan dengan itu, mengekalkan prospek jangka panjang negara. Melangkah ke hadapan, dasar ekonomi Malaysia akan terus memberikan fokus terhadap langkah memastikan fleksibiliti dan daya tahan ekonomi dikekalkan.

Dengan pengukuhan ekonomi, sistem kewangan dan asas ekonomi kita, peluang telah diambil untuk penyahkawalseliaan dan liberalisasi persekitaran seterusnya. Inisiatif paling terkini yang menuju ke arah ini ialah pertukaran rejim kadar pertukaran kepada apungan terurus. Di bawah rejim ini, kestabilan kadar pertukaran akan terus menjadi matlamat utama dasar kadar pertukaran. Malaysia ialah sebuah ekonomi perdagangan yang amat bersepadu dengan ekonomi dunia dan dalam konteks ini, persekitaran kadar pertukaran yang stabil masih lagi penting. Dengan perubahan persekitaran ekonomi dan kewangan antarabangsa, langkah ke arah apungan terurus adalah penting bagi membolehkan Malaysia mengekalkan kadar pertukaran yang stabil berbanding dengan rakan dagangan utamanya. Di bawah peraturan ini, Bank Negara Malaysia kini akan memantau kadar pertukaran berbanding dengan sekumpulan mata wang bagi memastikan ia kekal hampir pada nilai berpatutan. Peralihan kepada sistem baru ini adalah teratur, dengan urus niaga terutamanya mencerminkan aktiviti perdagangan dan pelaburan langsung asing serta pelaburan portfolio.

Sebagai penyedia modal jangka panjang dan penyelesaian pindahan risiko yang efisien untuk aktiviti ekonomi yang produktif, sektor insurans dan takaful memainkan peranan penting untuk menyokong proses transformasi ekonomi. Dari tahun ke tahun, peranan tersebut menjadi semakin penting dengan pertumbuhan industri yang memberangsangkan. Pada tahun 2005, industri insurans dan takaful terus memperlihatkan daya tahan dan prestasi yang mantap meskipun menghadapi suasana pelaburan dan pengunderaitan yang mencabar. Premium dan caruman terus meningkat pada kadar pertumbuhan dua angka pada separuh pertama tahun 2005, dengan sektor insurans am pulih dengan kukuh setelah dua tahun berturut-turut mengalami pertumbuhan yang perlahan. Faktor-faktor asas untuk pertumbuhan mapan juga bertambah kukuh dengan kedudukan kesolvenan yang lebih teguh dilaporkan oleh sebahagian besar peserta industri, keuntungan yang berterusan dan disiplin pengunderaitan yang bertambah baik.

Pertumbuhan itu juga telah diiringi oleh kemajuan struktur kompetitif, peningkatan dalam inovasi dan tahap pembezaan yang lebih ketara dalam pasaran, dengan

menawarkan kepada pengguna lebih banyak produk dan perkhidmatan. Khususnya, kemunculan bankasurans dan banktakaful telah menyaksikan lebih banyak peserta industri mempakejkan insurans hayat dan takaful keluarga dengan pilihan pelaburan inovatif yang merangkumi ciri produk perbankan. Hari ini, bankasurans dan banktakaful merupakan ciri yang penting dalam landskap kewangan Malaysia dan terus berkembang dengan pesat dari segi jangkauan pasaran dan kecanggihan kendalian.

Kelulusan Rang Undang-Undang Insurans (Pindaan) mengenai Penasihat Kewangan baru-baru ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha yang berterusan bagi mencapai struktur pasaran yang lebih pelbagai. Dengan wujudnya rangka kerja perundangan ini, sukacita saya mengumumkan bahawa dalam jangka masa terdekat, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan lesen penasihat kewangan. Pengenalan penasihat kewangan dalam industri insurans Malaysia akan terus mempelbagaikan sistem pengagihan bagi insurans hayat. Badan korporat dengan modal berbayar minimum sebanyak RM100,000 akan layak untuk memohon lesen penasihat kewangan. Pindaan yang serupa kepada Akta Takaful 1984 akan dibuat pada masa terdekat dalam konteks perubahan yang lebih substantif dan meluas kepada perundangan semasa.

Asas kestabilan kewangan kita juga akan terus diperkukuh dengan evolusi berterusan terhadap struktur kewangan yang lebih pelbagai dan seimbang. Hari ini, Malaysia berada di barisan hadapan dalam penyediaan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif yang meliputi perbankan, takaful serta pasaran modal dan wang. Dalam bidang takaful, Bank Negara Malaysia terus mengambil inisiatif untuk membangunkan peserta pasaran yang signifikan yang mampu bersaing secara efektif dan efisien.

Walaupun pertumbuhan organik pengendali takaful yang sedia ada mungkin memenuhi permintaan semasa terhadap produk dan perkhidmatan takaful, dijangkakan bahawa peserta yang mempunyai keupayaan yang kukuh dalam pengurusan kendalian dan risiko serta pembangunan produk akan mempercepat pengembangan industri takaful seterusnya. Pada bulan Mei tahun ini, Bank mengumumkan pengeluaran sehingga empat lesen baru kepada pengendali takaful. Lesen takaful tambahan ditawarkan kepada institusi kewangan yang kukuh dengan keutamaan diberikan kepada institusi yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan perbankan Islam, takaful atau insurans. Institusi yang ditawarkan lesen itu mungkin juga termasuk usaha sama atau konsortium institusi kewangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya satu kumpulan perbankan. Usaha sama atau konsortium sedemikian akan membolehkan pengendali takaful baru menggunakan kepakaran, pengalaman dan infrastruktur dalam institusi kewangan rakan kongsi mereka. Sejajar dengan liberalisasi dalam industri perbankan Islam, kepentingan ekuiti asing sehingga 49% akan dibenarkan dalam entiti takaful untuk menarik pemegang saham yang kukuh

dan memupuk pakatan strategik yang bermakna.

Bagi penanggung insurans, potensi untuk menyertai bersama rakan kongsi tempatan dan asing yang kukuh dalam pengendali takaful baru akan membuka peluang yang besar untuk mengembangkan tawaran produk mereka supaya meliputi pelbagai produk insurans dan takaful yang komprehensif. Oleh itu, pengendali takaful yang sedia ada perlu mengkaji semula strategi perniagaan dan pengurusan mereka sebagai respons kepada peningkatan elemen yang kompetitif yang sedia untuk membentuk industri takaful.

Malaysia juga telah bertindak secara strategik untuk mewujudkan hubungan dan integrasi ekonomi yang lebih erat dengan negara jiran untuk membolehkan perusahaan perniagaan Malaysia mengambil peluang komersial yang besar yang terdapat di Asia. Kerajaan telah memulakan perundingan mengenai beberapa perjanjian perdagangan bebas yang akan membuka ruang ke arah akses pasaran yang lebih luas dalam ekonomi yang mengalami pertumbuhan di rantau ini. Perundingan ini sedang dalam pelbagai peringkat. Kami tetap yakin untuk mencapai hasil positif yang seimbang dan akan memberikan faedah bersama. Peluang-peluang tertentu bagi pengembangan di luar negeri oleh institusi kewangan Islam khususnya, juga terus dipertingkat melalui pelbagai pengaturan dua hala dan pelbagai hala. Ini termasuk penandatanganan memorandum persefahaman antara Malaysia dengan Bank Pembangunan Islam pada tahun 2004 untuk mempertingkat kerjasama di kalangan negara anggota Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam atau OIC dalam bidang perdagangan, pelaburan, kewangan Islam dan pembangunan ICT. Inisiatif ini akan membuka jalan kepada pengendali takaful Malaysia untuk mempromosikan dan mengembangkan perniagaan takaful dan takaful semula di pasaran sasaran utama di luar negeri, khususnya dalam OIC.

Manfaat bersih yang akhirnya akan dinikmati oleh Malaysia akan bergantung kepada keupayaan institusi Malaysia untuk merangka strategi globalisasi sasaran yang akan membolehkan mereka mendapat manfaat daripada kelebihan penggerak pertama yang wujud. Ini perlu diperkukuh dengan penyelidikan terhadap pasaran pertumbuhan baru dan mencari peluang bagi pakatan strategik atau usaha sama dalam pasaran itu. Pada masa yang sama, strategi pertumbuhan juga harus memberikan tumpuan dalaman yang sama dalam memperteguh kekuatan dan daya tahan kewangan, pembangunan modal insan, reputasi perniagaan yang kukuh dan standard perkhidmatan dan profesionalisme yang tinggi, yang kesemuanya merupakan faktor kejayaan yang kritikal bagi strategi yang efektif di luar negeri.

Mengekalkan kestabilan kewangan terus menjadi mandat utama Bank Negara Malaysia. Sejajar dengan perubahan landskap kewangan yang sentiasa berlaku, pendekatan Bank Negara Malaysia terhadap pengawalan dan penyeliaan sektor insurans dan takaful telah berkembang untuk mencapai rejim yang lebih mantap yang

tertumpu kepada tiga dimensi utama: **pertama**, mewujudkan budaya pengurusan risiko yang kukuh yang memperlengkap operasi penanggung insurans dan pengendali takaful; **kedua**, memudahkan pelarasan yang didorong oleh pasaran yang akan membolehkan industri berkembang sejajar dengan perkembangan pasaran, teknologi dan demografi, sementara mengekalkan pengawasan pengawalseliaan yang mencukupi untuk mengekalkan kestabilan kewangan dan keyakinan orang ramai; dan **ketiga**, memastikan dasar yang saling konsisten bagi sektor perbankan dan insurans.

Dua perubahan utama yang menyokong pendekatan semasa Bank dalam pengawalan dan penyeliaan ialah perubahan ke arah peraturan "berasaskan prinsip" dan pelaksanaan rejim pengawalan dan penyeliaan yang berasaskan risiko. Peraturan semakin kurang memberikan tumpuan terhadap peraturan preskriptif, sebaliknya memberikan tumpuan yang lebih terhadap pewujudan parameter yang luas bagi amalan kewangan dan perniagaan yang baik yang menyediakan banyak fleksibiliti kepada penanggung insurans dan pengendali takaful untuk melaksanakan prinsip tersebut dengan cara yang paling sesuai dengan keadaan tertentu masing-masing. Di bawah pendekatan ini, perhatian yang lebih juga diberi kepada pewujudan insentif yang sesuai dalam sistem untuk mencapai hasil yang diharapkan.

Penerimapakaian peraturan berasaskan "prinsip" dilengkapi oleh tumpuan yang bertambah terhadap pengurusan risiko dalam rangka kerja modal dan penyeliaan. Dalam hal ini, saya kagum dengan respons positif industri terhadap rangka kerja penyeliaan berasaskan risiko baru yang dilaksanakan bagi industri insurans dan takaful sejak bulan Ogos 2004. Pendekatan baru itu memperluas fokus terhadap risiko yang khusus kepada sesebuah institusi dalam proses penilaian dan penarafan penyeliaan. Yang penting, rangka kerja itu digunakan untuk saling mempertingkatkan kefahaman institusi dan Bank Negara Malaysia terhadap risiko yang wujud yang dihadapi oleh institusi berkenaan. Dengan itu ia dapat mewujudkan jangkaan yang sama mengenai pengurusan dan kawalan risiko berkenaan, dengan mengambil kira jenis, skop, kompleksiti dan profil risiko institusi. Proses ini seterusnya memudahkan respons penyeliaan dan keinstitusian yang bersesuaian, yang sepadan dengan penilaian risiko sesebuah institusi dan impak sistemiknya.

Begitu juga, pelaksanaan rangka kerja modal berasaskan risiko bagi penanggung insurans akan lebih memperkukuh fokus pengawalseliaan terhadap risiko. Pelarasan terhadap rangka kerja ini akan mengambil kira maklum balas pihak industri terhadap kertas konsep yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Disember tahun lepas, serta hasil kajian impak yang dijalankan serentak bagi menilai pelarasan modal yang mungkin diperlukan oleh penanggung insurans. Khususnya, pelarasan terhadap rangka kerja sedang dilakukan untuk mencapai konsistensi yang lebih tinggi antara asas penilaian bagi aset dan liabiliti, dan untuk menghalusi caj risiko aset. Kertas konsultasi kedua, yang memasukkan perubahan-perubahan itu akan dikeluarkan untuk

mendapatkan komen industri selanjutnya pada penghujung tahun ini.

Penanggung insurans dijangka mengalu-alukan tahap fleksibiliti pelaburan yang lebih besar yang akan dibenarkan di bawah rangka kerja modal berasaskan risiko. Ini merupakan peningkatan yang penting berbanding dengan rangka kerja "aset yang dibenarkan" sekarang. Ini juga merupakan rangka kerja yang dijangka mempertingkat dengan nyata profil fungsi pengurusan pelaburan dalam industri. Memandangkan skop bagi pembezaan antara institusi akan bertambah di bawah rejim berasaskan risiko, adalah lebih kritikal bagi penanggung insurans untuk menarik, membangunkan dan mengekalkan sumber modal insan yang sesuai. Dengan liberalisasi pasaran kewangan dan langkah pesat dalam pemusatan kewangan, fungsi pengurusan pelaburan di kalangan penanggung insurans perlu fleksibel, fokus terhadap risiko dan dilengkapi tenaga profesional yang boleh memberi respons kepada keperluan pasaran.

Satu komponen penting dalam rangka kerja modal berasaskan risiko dan penyeliaan yang baru ialah idea mengenai paras modal sasaran pengawalseliaan yang perlu dikekalkan oleh penanggung insurans di bawah rangka kerja berasaskan risiko. Ini merupakan perkara baru dalam persekitaran kita dan melahirkan kebimbangan di kalangan penanggung insurans yang mungkin berpandangan bahawa ini merupakan beban modal tambahan. Sungguhpun rejim modal berasaskan risiko akan menjadikan modal ekonomi dengan modal pengawalseliaan lebih sejajar, perlu diingat bahawa rejim modal berasaskan risiko diasaskan daripada keputusan kajian atas keseluruhan industri, yang dengan itu tidak boleh menangani sepenuhnya risiko yang khusus kepada sesuatu institusi. Dengan itu, sasaran modal pengawalseliaan berperanan untuk menyediakan satu tanda amaran awal mengenai kemungkinan wujudnya masalah, supaya langkah campur tangan yang sesuai boleh diambil untuk mengelakkan keadaan daripada menjadi bertambah buruk. Sekiranya ini tiada, langkah pembetulan yang lebih drastik serta pada kos yang tinggi perlu diambil. Bagi penanggung insurans yang telah menerima pakai pendekatan dalaman pengurusan modal yang mantap, pengenalan paras modal sasaran pengawalseliaan itu sendiri tidak seharusnya mengubah dengan ketara strategi pengurusan modal yang sedia ada. Penanggung insurans yang masih belum mempunyai sistem sedemikian akan digalakkan untuk membangunkannya, dan dengan itu meningkatkan lagi daya tahan mereka sendiri untuk berhadapan dengan perubahan buruk dalam keadaan perniagaan.

Bank menyedari bahawa perkembangan antarabangsa dalam bidang ini masih lagi amat tidak menentu. Usaha-usaha berkaitan dengan *International Financial Reporting Standard for Insurance Contracts*, Inisiatif Kesolvenan II di Kesatuan Eropah dan pembangunan asas kepada penilaian kesolvenan oleh Pertubuhan Penyelia Insurans Antarabangsa, masih dijalankan. Oleh itu, Bank akan terus mengekalkan pendekatan perbincangan terbuka apabila meneruskan inisiatif ini untuk memastikan kemampuan kita untuk memberikan respons

yang sesuai dan memastikan pelaksanaannya berjalan lancar.

Melangkah ke hadapan, perhatian yang lebih khusus akan diberi kepada isu berkaitan pengendalian pasaran, yang berdasarkan pengalaman pasaran lain baru-baru ini, semakin merupakan faktor penting dalam meningkatkan keyakinan dalam industri insurans dan takaful. Pasaran kewangan tidak boleh beroperasi secara efisien dan efektif kecuali peserta pasaran bertindak dengan penuh integriti. Ini perlu diperkukuh dengan menyediakan maklumat yang mencukupi kepada pengguna dan pelabur untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat. Dalam era maklumat hari ini, persekitaran perniagaan telah berubah secara pesat dan bersama-samanya meningkatkan jangkaan pengguna dan pelabur. Oleh itu, industri perlu menyesuaikan diri dengannya.

Inisiatif dasar oleh Bank Negara Malaysia dalam bidang pengendalian pasaran akan terus tertumpu kepada penzahiran yang lengkap, benar dan tidak kompleks kepada pengguna, oleh itu memperlengkap pengguna supaya mereka dapat membuat keputusan berdasarkan maklumat melalui inisiatif pendidikan pengguna, dan akhirnya menggalakkan layanan yang saksama kepada pemegang polisi. Dalam hal ini, saya ingin mengumumkan bahawa setelah lebih dua tahun berbincang panjang dengan pihak industri, semakan ke atas Garis Panduan mengenai Perniagaan Insurans Perubatan dan Kesihatan telahpun dimuktamadkan. Garis panduan itu akan dikeluarkan kepada industri pada bulan ini untuk dilaksanakan pada awal tahun hadapan. Ini merupakan perkembangan strategik yang penting dari perspektif dasar awam dan pengguna. Kini, perniagaan insurans perubatan mencakupi bahagian terbesar[1] premium insurans am bukan tarif dalam pasaran, dengan jumlah premium melebihi RM1.3 bilion pada tahun 2004. Garis panduan semakan itu telah mengekalkan tahap fleksibiliti produk yang besar dan meningkatkan keperluan pendedahan untuk menggalakkan persaingan yang lebih, manakala peraturan yang lebih jelas yang menetapkan syarat-syarat minimum polisi akan diwujudkan untuk memberikan paras perlindungan yang munasabah kepada pemegang polisi. Keperluan ini akan juga menggalakkan layanan yang lebih konsisten kepada pengguna dalam pemberian manfaat teras di bawah polisi insurans perubatan.

Manakala campur tangan pengawalseliaan masih lagi perlu, Bank akan terus mengimbangi kepentingan perniagaan peserta industri dengan kepentingan pengguna bagi memastikan kos pengawalseliaan berpadanan dengan manfaat yang dijangkakan bagi pengguna. Walau bagaimanapun, pada jangka masa panjang, pergantungan terhadap pengawalan dan pengawasan pengawalseliaan sahaja bukan merupakan penyelesaian yang mapan terhadap isu pengendalian pasaran dan isu keyakinan yang lebih besar yang dihadapi oleh industri. Keputusan yang diharapkan mestilah sesuatu yang bercirikan kebebasan untuk bertindak diiringi oleh tahap kekangan moral yang bersesuaian oleh pihak pasaran. Ini memerlukan insentif yang setara dalam sistem dan asas etika kukuh yang dibina dalam institusi yang akan memastikan

[1] 10.5% daripada jumlah premium langsung am kasar, ketiga (dari segi bahagian pasaran) hanya kepada perniagaan motor dan kebakaran.

penanggung insurans dan pengendali takaful bertindak dengan penuh tanggungjawab dalam persekitaran yang membenarkan lebih fleksibiliti dalam perniagaan.

Isu strategik yang kita hadapi sekarang adalah yang berkaitan dengan tanggungjawab industri untuk menyediakan tawaran yang saksama kepada pengguna, kaitannya dengan persekitaran yang berubah-ubah dan kesediaannya dari segi kapasiti dan infrastruktur untuk menyokong dan mengekalkan strategi pertumbuhan yang berjaya.

Dengan ini diharapkan agar perbincangan pada dialog ini akan menyumbang ke arah pemikiran mengenai strategi korporat akan datang serta respons pengawalseliaan bagi memastikan pembangunan yang kukuh. Ini memberikan peluang untuk kita sama-sama terlibat secara aktif dalam perbincangan mengenai isu-isu utama yang dihadapi oleh industri dalam mengorak langkah ke hadapan. Saya berharap agar dialog ini akan menjadi satu dialog yang berjaya dan produktif.

Forum Ekonomi Islam Sedunia ASLI
1 Oktober 2005, Kuala Lumpur

"Metamorfosis Menjadi Pusat Perbankan dan Kewangan Islam Antarabangsa"

Ucapan Khas oleh
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya berasa amat bertuah kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan makan tengah hari ini sempena Forum Ekonomi Islam Sedunia sulung anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI). Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi dengan anda pengalaman Malaysia mengembangkan sistem kewangan Islam domestik yang komprehensif. Kini, sistem tersebut menjadi lebih bersepadu dengan sistem antarabangsa dan telah memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan negara ini dengan dunia luar.

Dalam mengembangkan sistem kewangan Islam, pertimbangan penting yang diambil kira termasuklah pembangunan satu sistem yang berupaya untuk memenuhi keperluan pelanggan dan komuniti perniagaan yang berubah-ubah, serta sistem yang efisien dan kompetitif, yang selamat dan kukuh, yang teguh dan berdaya tahan dan yang boleh menghadapi persekitaran dunia yang lebih mencabar dan tidak menentu. Pertimbangan ini penting bagi memastikan kemapanan sistem bukan sahaja sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi domestik bahkan juga sebagai satu komponen sistem kewangan antarabangsa yang penting.

Mengembangkan Sistem Kewangan Islam yang Teguh

Malaysia telah menerima pakai satu pendekatan yang holistik dalam membangunkan sistem kewangan Islamnya. Fokus permulaan kami adalah untuk membangunkan satu sistem kewangan Islam domestik yang komprehensif. Strateginya adalah dengan mewujudkan rantaian untuk keseluruhan sistem kewangan bagi memastikan kelancaran fungsinya dan dengan itu menyumbang kepada agihan sumber kewangan dan ekonomi yang seimbang dalam ekonomi, dan lebih kepelbagaian risiko dalam sistem. Ini seterusnya akan membawa kepada pencapaian kestabilan keseluruhan sistem kewangan Islam. Inisiatif yang diambil termasuklah membina institusi kewangan yang diperlukan, rangka kerja pengawalseliaan yang teguh, rangka kerja perundangan dan Syariah yang efektif, pasaran kewangan, sistem pembayaran dan penyelesaian yang efektif serta diperkuat oleh pembangunan bakat kemahiran dan mewujudkan mekanisme bagi operasi Bank Negara Malaysia. Pembangunan rantaian sistem ini telah menggalakkan hubungan dan integrasi

yang lebih kukuh dalam sistem kewangan Islam domestik.

Oleh itu, tumpuan telah diberi kepada pembangunan komponen struktural utama sistem, yang terdiri daripada industri perbankan Islam, industri takaful, institusi bukan perbankan serta pasaran antara bank dan pasaran modal Islam. Komponen-komponen sistem kewangan Islam tersebut kini menjadi sangat bersepadu dan saling bergantung. Infrastruktur kewangan yang lebih pelbagai ini telah juga meningkatkan kecekapan dalam perjalanan sistem kewangan keseluruhannya.

Pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia bermula dengan penubuhan Tabung Haji pada tahun 1969 sebagai institusi tabungan Islam yang pertama. Ini diikuti oleh penubuhan institusi perbankan dan bukan perbankan Islam sepenuhnya. Setahun selepas penubuhan Bank Islam yang pertama pada tahun 1983, sebuah pengendali takaful atau syarikat insurans Islam telah ditubuhkan di bawah Akta Takaful. Perkembangan ini kemudiannya diperluas dengan pengenalan jendela Islam (*Islamic window*) oleh institusi perbankan konvensional yang membolehkan institusi perbankan tersebut menawarkan produk dan perkhidmatan Islam. Pada masa yang sama, dinding pemisah (*firewalls*) yang mencukupi telah diwujudkan untuk memastikan pengasingan sepenuhnya operasi perbankan. Ini adalah untuk mengelakkan percampuran antara dana perbankan Islam dengan dana perbankan konvensional supaya integriti operasi perbankan Islam dapat dipastikan.

Baru-baru ini, struktur ini telah diperkukuh. Institusi perbankan konvensional yang telah mencapai jumlah yang besar (*critical mass*) dalam operasi kewangan Islam mempunyai pilihan untuk menukar operasi mereka kepada subsidiari Islam yang khusus. Dalam rangka kerja ini, kewangan Islam di Malaysia terbukti berdaya tahan dan boleh berfungsi secara efektif dan efisien seiring dengan sistem kewangan konvensional. Kemampuan institusi perbankan Islam untuk menyediakan dan menawarkan produk yang mempunyai ciri yang menarik dan inovatif pada harga yang kompetitif telah menarik minat pelanggan Islam dan bukan Islam. Ini mencerminkan daya saing kewangan Islam sebagai satu bentuk pengantara kewangan. Sejak tahun 2000, industri perbankan Islam domestik berkembang pada kadar purata 18% setahun dari segi aset, manakala pertumbuhan industri takaful adalah pada purata 28% setahun, dengan peranan dalam menyokong proses pertumbuhan dan pembangunan negara menjadi semakin penting.

Tumpuan juga telah diberi untuk membangunkan pasaran wang dan pasaran modal Islam di Malaysia. Satu rangkaian instrumen yang besar telah dibangunkan untuk memudahkan pengurusan mudah tunai dan pendanaan yang efektif oleh institusi kewangan Islam. Ini telah membantu kelancaran aliran dana dalam sistem kewangan Islam. Berikutan pembangunan pasaran bon di Malaysia yang kini mencakupi 81% daripada KDNK, sekuriti hutang swasta Islam mencakupi kira-kira 44% daripada jumlah sekuriti hutang swasta terkumpul dalam pasaran, manakala jumlah yang

didagangkan dalam pasaran wang Islam kini kira-kira RM30 hingga RM40 bilion sebulan. Pasaran wang ini juga berfungsi sebagai satu saluran efektif bagi operasi mudah tunai Bank Negara Malaysia sebagai sebahagian daripada dasar monetarinya.

Perkembangan yang pesat dalam industri perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia turut disokong oleh rangka kerja perundangan dan Syariah yang kondusif. Dari segi infrastruktur perundangan, Akta Bank Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 masing-masing mengawal pengendalian operasi oleh institusi perbankan Islam dan pengendali takaful. Terdapat juga Akta Pendanaan Kerajaan yang mengawal terbitan instrumen Islam kerajaan. Seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang khas juga dilantik untuk mengadili kes-kes yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam. Terdapat juga sebuah pusat pengimbang tara untuk mengendalikan pertikaian. Akta Bank Negara Malaysia juga dipinda untuk membolehkan penubuhan Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara Malaysia untuk bertindak sebagai pihak berkuasa dan rujukan tunggal berhubung dengan semua perkara yang berkaitan dengan Syariah. Layanan cukai yang neutral juga telah diberi kepada transaksi kewangan Islam.

Bagi memastikan kekukuhan dan kestabilan sistem kewangan Islam, rangka kerja pengawalseliaan institusi kewangan Islam telah juga diperbaiki, dengan memasukkan standard yang lebih kukuh bagi tadbir urus korporat, ketelusan, pendedahan, akauntabiliti, disiplin pasaran, pengurusan risiko dan perlindungan pengguna. Selain itu, sistem pembayaran juga telah dipertingkat secara berterusan untuk memastikan penjelasan dan penyelesaian pembayaran yang efisien dan efektif. Sistem itu kini lebih berautomasi dengan keupayaan untuk mengendalikan dagangan sekuriti hutang tanpa skrip, pemprosesan dan penyelesaian pembayaran. Dengan menyediakan satu sistem penyelesaian masa benar bagi pindahan dana antara bank, risiko kredit dan penyelesaian dalam sistem kewangan Islam telah dikurangkan.

Tumpuan juga diberi kepada pengurusan bakat insan untuk melahirkan sekumpulan jurubank yang kompeten yang perlu ada bagi menerajui inovasi dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Bagi memenuhi keperluan sumber tenaga yang meningkat, institusi pengajian tinggi dan institut perbankan dan kewangan Islam juga telah memulakan program baru mengenai kewangan Islam.

Menerajui Inisiatif dalam Integrasi Global

Kewangan Islam di Malaysia kini berubah kepada dimensi baru untuk menjadi lebih bersepadu dengan sistem antarabangsa. Ini merupakan sebahagian daripada strategi untuk memperkenalkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang bersepadu yang akan memainkan peranan yang lebih besar dalam memudahkan aliran ekonomi dan kewangan antarabangsa.

Liberalisasi sistem kewangan Islam di Malaysia bermula pada tahun 2004 dengan pengeluaran tiga lesen bank Islam baru kepada institusi kewangan Islam asing. Institusi yang baru masuk ini dengan

keupayaan dan kekuatan yang terserlah bukan sahaja akan terlibat dalam industri perbankan Islam domestik yang sedang berkembang, tetapi juga mampu meneroka pasaran baru di rantau ini. Inisiatif ini juga akan menggalakkan persaingan yang sihat, yang seterusnya menyumbang kepada peninggian industri domestik ke tahap dinamisme yang baru. Di samping inisiatif ini, kepentingan asing sehingga 49% dibenarkan dalam subsidiari Islam institusi perbankan konvensional dan dalam pengendali takaful. Peningkatan dalam integrasi antarabangsa juga diperkukuh oleh institusi kita sendiri yang meneroka melangkaui sempadan kita, khususnya di rantau Asia dan ke Timur Tengah. Integrasi antarabangsa ini akan menyumbang ke arah memudahkan aliran antara sempadan yang lebih pesat dari segi transaksi perdagangan dan pelaburan yang meningkat, seterusnya memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan global.

Selain perbankan, Malaysia juga memulakan usaha untuk menggalakkan takaful di peringkat antarabangsa. Ini dilakukan dengan kerjasama yang rapat bersama Bank Pembangunan Islam, dengan pasukan petugas diwujudkan untuk menerajui antara lain, pembangunan dan penggalakan perdagangan, pelaburan dan perbankan Islam serta industri takaful dan takaful semula di kalangan negara anggota OIC. Antara inisiatif utama yang akan diambil di bawah Memorandum Persefahaman yang ditandatangani antara Malaysia dengan Bank Pembangunan Islam adalah khususnya untuk menggalakkan dan mengembangkan perniagaan takaful dan takaful semula di kalangan negara anggota.

Satu lagi inisiatif Malaysia adalah untuk mengakses pasaran modal antarabangsa dengan menerbitkan instrumen kewangan Islam global. Terbitan sulung sukuk Islam berdaulat yang diterima secara global ini telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 2002. Sejak itu, beberapa lagi terbitan telah dibuat oleh negara-negara lain. Sehingga kini, jumlah terbitan empat sukuk berdaulat global melebihi USD3.5 bilion. Sukuk telah meluaskan asas pelabur dengan mewujudkan kelas aset baru bagi pelabur Islam dan konvensional. Perkembangan ini juga diikuti oleh terbitan sukuk korporat global yang kini berjumlah USD12 bilion. Beberapa produk ini telah disenaraikan di bursa kewangan antarabangsa Labuan.

Pada tahun 2004, Malaysia meliberalisasikan peraturan pentadbiran pertukaran asingnya bagi membolehkan Bank Pembangunan Pelbagai Hala dan syarikat multinasional menerbitkan instrumen dalam denominasi ringgit dalam pasaran modal Malaysia. Untuk tujuan ini, dua institusi, iaitu International Finance Corporation dan Bank Dunia telah menerbitkan instrumen dalam denominasi ringgit berasaskan prinsip Islam dalam pasaran kita. Ia menyumbang ke arah memperdalam pasaran.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia juga terlibat secara aktif dalam inisiatif membangunkan arkitektur kewangan Islam antarabangsa sokongan. Pembentukan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) pada tahun 2002 ialah satu pencapaian terpenting dalam pembangunan ini bagi menetapkan standard kehematan antarabangsa untuk kewangan Islam.

Sehingga kini, IFSB telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan, dan ini termasuk pengeluaran dua draf pendedahan mengenai kecukupan modal dan pengurusan risiko. Usaha sedang dijalankan untuk tiga lagi standard yang berkaitan dengan tadbir urus korporat, ketelusan dan disiplin pasaran, dan proses kajian semula penyeliaan. IFSB juga memainkan peranan sebagai pemangkin dalam mengembangkan anggota dan jangkauannya, dengan itu menyumbang lagi kepada pengiktirafan dunia terhadap sistem kewangan Islam. Pada masa ini, IFSB mempunyai 78 anggota dari seluruh pelusuk dunia. Ini akan menyumbang ke arah penstandardan peraturan kehematan dan yang lebih penting menyumbang kepada sistem kewangan Islam yang kukuh dan stabil.

Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM), yang merupakan satu lagi inisiatif antarabangsa yang utama, juga akan menyumbang ke arah menggalakkan pembangunan pasaran kewangan Islam antarabangsa yang utama dan sekunder. IIFM menyediakan persekitaran yang menghubungkan semua pusat kewangan di dunia yang menyertai kewangan Islam, dan seterusnya menggalakkan penyertaan aktif institusi kewangan Islam dan bukan Islam di pasaran sekunder untuk instrumen kewangan Islam. Dengan peningkatan jumlah urus niaga, ia akan mengukuhkan hubungan dan integrasi di kalangan pusat kewangan Islam.

Dalam bidang Syariah, Bank Negara Malaysia pada masa ini sedang menggalakkan wacana intelektual mengenai isu Syariah. Ahli Syariah kita sendiri telah menyumbang ke arah pertumbuhan pesat produk kewangan Islam. Sempena Mesyuarat Agung Tahunan IDB yang diadakan di Putrajaya pada awal tahun ini, peluang telah diambil untuk membawa ahli-ahli Syariah antarabangsa untuk bertemu dan bersama-sama mempertimbangkan isu dan memupuk kefahaman yang lebih luas serta mencapai penyatuan amalan Syariah. Bank Negara Malaysia telah menubuhkan dana pembiayaan khas RM200 juta untuk memudahkan dialog tetap di kalangan ahli Syariah, untuk membiayai penyelidikan dan biasiswa, dan untuk membantu meningkatkan interaksi antara ahli Syariah dengan pengamal industri.

Malaysia akan meneruskan usaha di peringkat antarabangsa dan bekerjasama rapat dengan komuniti kewangan Islam untuk membangunkan sistem kewangan Islam global dengan menyediakan peruntukan sumber berserta komitmen.

Cabaran Utama Masa Hadapan

Salah satu cabaran utama dalam menggalakkan hubungan yang lebih luas dalam sistem kewangan Islam domestik dan integrasi dengan sistem kewangan antarabangsa ialah mempunyai kumpulan bakat dan kemahiran profesional. Bakat merupakan prasyarat penting bagi pembangunan sistem kewangan Islam di peringkat nasional dan global. Mereka merupakan aset penting yang akan mendorong inovasi dalam perniagaan kewangan Islam dan dapat mengekalkan kekuatan daya saingnya.

Dengan industri terus berkembang, keperluan untuk membangunkan pelbagai

jenis produk dan perkhidmatan termasuk produk yang boleh mengurangkan risiko, menjadi bertambah penting. Produk-produk ini merupakan satu keperluan bagi industri kewangan Islam, bukan hanya untuk memenuhi keperluan ekonomi domestik dan antarabangsa yang baru dan berubah-ubah, tetapi juga untuk membolehkan perlindungan nilai terhadap peristiwa buruk yang mungkin berlaku dan ketidakpastian. Ini penting untuk memperkukuh daya tahan dan rangka kerja pengurusan risiko industri kewangan Islam dalam keadaan persekitaran kewangan global yang semakin mencabar dan berdaya saing.

Bagi mempercepat pembentukan kumpulan bakat dan kemahiran-kemahiran yang ditentukan bagi memenuhi keperluan tenaga manusia yang semakin meningkat, kini Malaysia sedang mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah pusat antarabangsa bagi pendidikan dalam kewangan Islam. Pusat ini akan dijadikan sebagai sebuah badan pensijilan profesional dan institut latihan untuk lepasan ijazah. Selain itu, Malaysia telah menubuhkan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) pada tahun 2003 yang turut menyediakan pembangunan kepimpinan dan latihan pengurusan untuk institusi kewangan Islam.

Berkait rapat dengan mempunyai bakat ialah keperluan untuk mempunyai institusi kewangan Islam yang kukuh dan mantap. Ini merupakan satu lagi cabaran kepada industri kewangan Islam kerana kini tidak terdapat banyak institusi kewangan Islam yang besar. Kebanyakan institusi kewangan Islam tidak cukup besar di peringkat global untuk membiayai projek pembangunan yang besar, terutamanya di negara-negara Islam dan tidak cukup kukuh untuk menaja jamin keperluan komuniti kewangan Islam pada skala besar. Kini, beberapa pembiayaan projek di negara-negara Islam dilakukan oleh bank konvensional yang besar kerana permodalan institusi kewangan Islam rendah. Oleh itu, kita perlu memiliki institusi kewangan Islam yang kukuh dan mempunyai modal besar, yang mampu menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif dan lengkap.

Di samping mempunyai institusi kewangan Islam yang besar dengan kumpulan kepakaran yang diperlukan, integrasi sistem kewangan Islam dengan sistem kewangan antarabangsa perlu disokong oleh pembangunan kewangan Islam sepenuhnya di peringkat nasional, lantas meningkatkan potensi penyertaan yang efektif dalam persekitaran yang lebih liberal dan global.

Bagi mencapai matlamat ini, Malaysia bersama-sama negara OIC yang lain sedang bekerjasama dengan IDB dan IFSB untuk merumuskan pelan induk 10 tahun bagi pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam global masa hadapan. Pelan Induk itu akan menyediakan satu hala tuju untuk menuju ke arah visi yang sama di kalangan negara dalam membangunkan sistem kewangan Islam.

Kesimpulan

Dalam membangunkan dan memperkukuh sistem perbankan dan kewangan Islam kita supaya menjadi lebih bersepadu dengan sistem kewangan

antarabangsa, Malaysia sedang meletakkan dirinya sebagai gerbang kewangan Islam ke rantau Asia Timur. Bagi menarik perhatian pelabur antarabangsa, Malaysia menawarkan potensi peluang seterusnya bagi pembiayaan dan pelaburan dalam aktiviti yang produktif bukan hanya kepada komuniti kewangan yang mahu menjalankan transaksi kewangan Islam, malah juga kepada komuniti pelaburan antarabangsa umum.

Sebagai kesimpulan, saya ingin menyatakan bahawa misi kita adalah untuk membangunkan sebuah sistem kewangan Islam yang semakin bersepadu dengan sistem antarabangsa. Saya yakin dengan pendekatan ini ia boleh menyumbang ke arah mempermudah transaksi perdagangan serta pelaburan yang bertambah, memperkukuh hubungan ekonomi dan kewangan global, lantas meningkatkan prospek bagi mencapai pertumbuhan global yang lebih seimbang dan kemakmuran yang dikongsi bersama di kalangan ummah, Insya-Allah.

Kalendar Peristiwa
Julai – September 2005

13–15 Julai 2005
Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Eropah (EC) secara bersama menganjurkan satu persidangan yang bertajuk "Meningkatkan Hubungan Ekonomi ASEAN-EU – Peranan Euro". Persidangan itu, yang merupakan persidangan pertama seumpamanya di rantau ASEAN, telah membincangkan isu-isu dalam meningkatkan lagi hubungan ekonomi dan kewangan ASEAN-EU, dalam keadaan peningkatan peranan mata wang euro di Asia dan dalam sistem kewangan antarabangsa.

18 Julai 2005
Dana Indeks Bon Malaysia ABF, yang merupakan Dana Dagangan Bursa yang pertama di Malaysia dan yang kedua seumpama itu di kalangan negara-negara EMEAP (Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik), disenaraikan di Bursa Malaysia. Ia melambangkan kejayaan pelaksanaan projek Dana Bon Asia (ABF) bagi mempercepat pembangunan pasaran bon domestik dan menggalakkan integrasi yang lebih luas antara pasaran bon serantau.

19 Julai 2005
Sewaktu pelancaran rasmi Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLIBB), Gabenor menyatakan bahawa institusi kewangan Islam di Malaysia perlu mengambil peranan yang lebih aktif dalam menggalakkan kewangan Islam bagi melengkapkan usaha Bank dan Kerajaan, supaya potensi Malaysia menjadi pusat kewangan Islam akan meningkat. HLIBB ialah subsidiari perbankan Islam Hong Leong Bank Berhad.

21 Julai 2005
Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa kadar pertukaran ringgit akan dibenarkan bergerak dalam apungan terurus, dengan nilainya ditentukan oleh asas-asas ekonomi. Kadar pertukaran ringgit akan dipantau berbanding dengan sekumpulan mata wang bagi memastikan ia berada hampir dengan nilainya yang berpatutan. Objektif utama dasar terus kekal iaitu menggalakkan kestabilan kadar pertukaran.

4 Ogos 2005
Gabenor telah menyampaikan ucap utama di Sesi Dialog Sektor Awam-Swasta sempena Persidangan SEACEN Pengarah Penyeliaan Ekonomi-ekonomi Asia-Pasifik ke-7 yang diadakan di Kuala Lumpur. Beliau telah berucap mengenai cabaran merentas sempadan bagi ekonomi yang berkembang dalam melaksanakan Basel II.

9–10 Ogos 2005

Bank Negara Malaysia berserta industri insurans dan takaful telah mengadakan sesi dialog yang bertemakan “Menuju Ke Arah Pasaran Yang Lebih Kompetitif”. Sesi dialog membincangkan isu yang dihadapi oleh industri insurans dan takaful, inisiatif dasar utama oleh Bank Negara Malaysia, serta perkembangan ekonomi dan kewangan yang mempengaruhi kedua-dua industri itu.

24 Ogos 2005

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang 4.1% pada suku kedua tahun 2005. Bank juga menyatakan bahawa dalam suasana inflasi yang semakin meningkat, tahap akomodasi monetari akan diseimbangkan bagi memastikan pertumbuhan mapan yang maksimum dicapai dalam persekitaran harga yang stabil. Kadar dasar semalaman (OPR) kekal tidak berubah pada 2.70%.

26 Ogos 2005

Bank Negara Malaysia mengeluarkan Garis Panduan mengenai Perniagaan Insurans Perubatan dan Kesihatan yang disemak bagi menggalakkan layanan yang lebih saksama dan konsisten oleh syarikat insurans am dan hayat kepada pengguna.

29 Ogos 2005

Bank Negara Malaysia mengumumkan terbitan kelapan dan terakhir Bon Simpanan Merdeka (BSM) berjumlah RM430 juta yang kemudiannya diterbitkan pada 1 Oktober 2005. Bon itu memberikan instrumen tabungan tambahan untuk warga emas, pesara Angkatan Tentera Malaysia, dan warganegara Malaysia yang bersara atas sebab kesihatan. Sejak terbitan pertama pada bulan Februari 2004, kesemua lapan siri BSM telah menarik langganan berjumlah RM3.5 bilion daripada 93,300 pelabur dalam kumpulan sasar; dengan 60% daripada mereka melabur sebanyak RM40,000 dan ke bawah.

1 September 2005

Selepas mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan, Bank Negara Malaysia mengumumkan pengenalan sistem insurans deposit di Malaysia bagi terus memperkukuh infrastruktur perlindungan pengguna kewangan negara. Bank juga mengumumkan penubuhan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi mentadbir sistem itu.

5 September 2005

Bank mengumumkan bahawa berkuat kuasa 7 Disember 2005, duit syiling RM1 tidak lagi sah diperlakukan dan akan dikeluarkan daripada edaran.

12 September 2005

Pada Forum Ketua Pegawai Eksekutif Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) Antarabangsa 2005, Timbalan Gabenor Datuk Zamani Abdul Ghani berucap mengenai peranan institusi kewangan pembangunan (DFI) dalam sistem kewangan dari perspektif Malaysia.

16 September 2005

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa Pusat Sumber Perkhidmatan Kewangan (FSRC) telah mencapai peringkat kemajuan yang penting dengan pemberian kontrak pembinaan. FSRC merupakan satu pelaburan dalam pusat pengetahuan dengan kemudahan pembelajaran dan penyelidikan untuk menyokong Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Bank Negara Malaysia.

20 September 2005

Pada Sidang Kemuncak Perbankan dan Kewangan Islam Asia Ke-2, Timbalan Gabenor Datuk Zamani Abdul Ghani menyatakan bahawa bagi mempercepat pertumbuhan industri perkhidmatan kewangan Islam menerusi hubungan dan integrasi yang berkesan, perhatian perlu diberi terhadap empat perkara:

- Membina infrastruktur yang perlu untuk memudahkan aliran modal dan perdagangan yang efisien;
- Mewujudkan pasaran kewangan yang mantap;
- Memperkukuh perkongsian maklumat dan pengurusan bakat insan; dan
- Menggalakkan penggunaan pengawalan dan amalan pasaran yang standard.

26 September 2005

Gabenor menyampaikan pernyataan di Perbincangan Tahunan Bersama Lembaga Gabenor di Mesyuarat Tahunan Bank Dunia-IMF 2005, dengan menekankan perlunya pembabitan yang lebih daripada seluruh negara anggota, termasuk ekonomi yang berkembang dan yang membangun. Dalam meningkatkan prospek perkongsian kemakmuran ekonomi global yang lebih tinggi, Gabenor berkata “suara-suara daripada konstituen dunia yang berkembang dan membangun bukan sahaja perlu didengar, malah perlu diambil perhatian”.